

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI SAINS KESIHATAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

ZULKHAIRI BIN AMOM

KETUA UNIT KUALITI :

EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM

PENYELARAS :

NORHISHAM BIN HARON

PENULIS :

1. NORHISHAM BIN HARON
2. SITI NAZRINA CAMALXAMAN
3. EMIDA BT MOHAMED
4. EVANA BINTI KAMARUDIN
5. MOHD FAHMI BIN MASTUKI
6. NAZRI BIN CHE DOM
7. MUHAMMAD AFIQ BIN ZAKI

8. MOHD SHUKRI BIN MOHD ARIS
9. SITI NORASHIKIN BINTI MOHAMAD SHAIFUDDIN
10. HAIRUL NAZMIN BIN NASRUDDIN
11. HUSNA BINTI AHMAD AINUDDIN
12. RAFIDAH BINTI SUPAR
13. MOHD AMIRUL BIN TAJUDDIN
14. EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM
15. SYAHRUL BARIAH BINTI ABDUL HAMID
16. NAZRUL HADI BIN ISMAIL
17. MOHD RAMADAN BIN AB HAMID
18. NUR SURAIYA BINTI ABU HASSAN SHAARI
19. FATIN NUR NAJWA BINTI NORAZMAN
20. NURULAIN BINTI MUHAMAD
21. SHAZ'AIN BINTI RAZAK
22. KARTINI BINTI ILIAS
23. SITI NOR ISMALINA BINTI ISA
24. FATIN NADZIRAH BINTI ZAKARIA
25. SAIFUL ADLI BIN BUKRY
26. AIMAN NADIA AKMAR BINTI RAHMAN
27. NORDIANNA BINTI SEMAN
28. NAIM FAIZ BIN AHMAD IMRAN
29. ASRUL AFIQ BIN ABU HUSIN
30. NUR SHAFIQAH BINTI MUNAZLI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan FSK komited dalam memastikan FSK sentiasa mencapai kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kepimpinan BHEA memahami dasar-dasar UiTM dan halatuju Pendidikan negara berpandukan Malaysia Education Blueprint (2015-2025), Rancangan Malaysia ke-12 (2015-2025), Globally Renown University 2025 dan Commits towards GRU2025. Kepimpinan HEA telah merangka pelan perancangan FSK berdasarkan Key Performance Indicator (KPI), melaksanakan pelan strategi berfokus, memantau pelaksanaan dan mengambil tindakan penambahbaikan.

Perancangan: Kepimpinan BHEA telah merangka pelan perancangan berkaitan bidang tumpuan (BT) berdasarkan indikator KPI yang ditetapkan UiTM dan objektif kualiti FSK. Pelbagai pendekatan, transformasi dan inovasi berimpak tinggi dalam pengurusan BHEA FSK khususnya dalam BT telah dilaksanakan berlandaskan 6 UiTM Pillars: world class university members, turning globally marketable student, turning marketable staff & excellent supporting staff, highly involved industry, community, government agencies, and engaging alumni. Kepimpinan BHEA telah melaksanakan pendekatan strategik dan berfokus melalui 4 teras strategik akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert.

Pelaksanaan: Kepimpinan BHEA sentiasa memastikan program kurikulum yang terkehadapan dan terangkum melalui FSK Excel dengan menyusun barisan kepimpinan HEA yang bersepadu yang diketuai TDA dan disokong oleh sepuluh unit/jawatankuasa berperanan dalam menyokong kecemerlangan bidang tumpuan PdP, melalui Jawatankuasa Leadership, Research & Teaching Innovation in Health Sciences Education (LATIH @FSK). FSK Excel menggalakkan peningkatan ilmu dan kepakaran dalam semua bidang pengurusan professional dan penyelidikan. FSK Goes Global memacu strategi pengantarabangsaan FSK ke peringkat antarabangsa seiring dengan visi UiTM sebagai globally renowned university dengan memberi galakan dan menjalinkan kerjasama strategik bersama industri dan jaringan global. BHEA sentiasa memberikan tumpuan kepada pambangunan komuniti melalui FSK Reach iaitu melaksanakan projek komuniti yang berimpak tinggi melalui program SULAM dan CSR. BHEA FSK telah menggunakan sepenuhnya Pusat Rehabilitasi dan perkhidmatan Klinikal (PRPK) FSK bagi meningkatkan kualiti PdP dan servis klinikal kepada pesakit.

Pemantauan: Kepimpinan BHEA telah melaksanakan proses pemantauan yang proaktif dan komprehensif melalui pelbagai kaedah secara berkala bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan. Kepimpinan BHEA telah menggunakan model F.A.S.T. (Frequently discussed, Ambitious, Transparent, Specific and Speed), sistem DASHBOARD@FSK, LEAD Directors @FSK dan PDCA (Plan, Do, Check Action) dalam proses pemantauan. Pelbagai instrumen pemantauan telah digunakan sepenuhnya seperti SIMS, AIMS, UFuture, MyATP dan PRIME.

Tindakan Penambahbaikan: Isu-isu dan pelan penambahbaikan sentiasa dibincangkan dalam mesyuarat dengan melibatkan warga FSK dan pemegang taruh. Kepimpinan BHEA sentiasa membuat penilaian risiko berdasarkan sistem daftar risiko UiTM. Risiko yang telah dikenalpasti telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat dan proses kaji semula menggunakan analisa risiko ACT@FSK dan tindakan penambahbaikan telah diambil melalui kaedah 4W@HEA FSK (Why, Who, When, How) dan SWOT Analysis. Antara tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kepimpinan HEA ialah penubuhan taskforce seperti Taskforce Mental Fitness, penganjuran bengkel dan program-program khusus penambahbaikan dari risiko - risiko yang telah dikenal pasti.

Kesimpulannya, kepimpinan BHEA FSK telah merancang, melaksanakan, memantau, melakukan penambahbaikan dan mengintegrasikan budaya kerja cemerlang sepanjang tahun 2023 di FSK.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan FSK fokus dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dalam **Malaysia Education Blueprint (2015-2025), Rancangan Malaysia ke-12 (2015-2025), Globally Renown University 2025 dan Commits towards GRU2025**. Kepimpinan FSK telah mengambil inisiatif berlandaskan enam tunjang utama UiTM bagi memastikan segala tindakan yang diambil selari dengan visi, misi, pelan tindakan strategik, dan Objektif Kualiti UiTM dan FSK.

Kepimpinan FSK melalui Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) yang diketuai TDA dan disokong oleh **sepuluh unit/jawatankuasa** berperanan dalam menyokong kecemerlangan bidang tumpuan PdP (Bukti 1.2.1). Kepimpinan BHEA telah **menyusun strategi yang dinamik dan inovatif** untuk menyelaraskan komponen pencapaian PI FSK dan UiTM. Antara **inovasi** yang telah diperkenalkan BHEA ialah **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert** (Bukti 1.2.2).

FSK Excel bertujuan untuk memperkukuh dokumentasi kurikulum dan menghasilkan staf dan graduan yang berdaya saing di peringkat global. Pada tahun 2023, melalui analisis SWOT, BHEA mendapati keperluan untuk **penambahan unit dalaman dan memperkenalkan sub-unit CGCT dibawah Jawatankuasa LATiH** untuk membantu dan menggalakkan aktiviti **Pengajaran Kolaboratif**. Bagi memastikan kualiti PdP FSK setaraf dengan universiti antarabangsa, BHEA menggalakkan **aktiviti akademia bersama universiti dalam dan luar negara**. BHEA turut mengenalpasti **keperluan utama latihan pensyarah dan staf pentadbiran** untuk meningkatkan kecemerlangan PdP dengan menyediakan peruntukan kewangan, peluang latihan dari pihak luar dan menghadiri persidangan (Bukti 1.2.3).

Pendekatan BHEA selari dengan teras melahirkan graduan berdaya saing global dengan **menekankan MODEL A.D.A.B UiTM dan menyediakan pensyarah yang berkaliber, ruang kuliah yang kondusif, dan program-program yang bermanfaat**. BHEA telah menganjurkan **Majlis Anugerah Dekan (MAD)** untuk menyemarakkan semangat pelajar agar terus konsisten dalam pembelajaran mereka. Selain itu, BHEA telah **melaksanakan Program Mentor-Mentee antara pensyarah dan pelajar**. Melalui program ini, pensyarah dapat memantau perkembangan pelajar. Tambahan, BHEA telah **melakukan inovasi dalam memperkukuh gerak kerja pengurusan kesihatan mental pelajar** (Bukti 1.2.3).

BHEA telah memfokuskan **FSK Goes Global sebagai salah satu Teras Strategik Akademik FSK**. Teras ini memberi fokus kepada aktiviti pengantarabangsaan melalui **penubuhan Jawatankuasa Pengantarabangsaan** pada tahun 2023 untuk memastikan aktiviti-aktiviti seperti **MOU/MOA antarabangsa, program inbound/outbound, persidangan, serta kajian bersama penyelidik antarabangsa** dilaksanakan. FSK Goes Global telah berjaya membantu staf dalam **menganjurkan program inbound/outbound pelajar, MOU/MOA antarabangsa, serta persidangan, dan juga berjaya menjana pendapatan melalui aktiviti Summer Camp** (Bukti 1.2.4).

Kepimpinan BHEA FSK telah menggalakkan kolaborasi antara FSK dengan komuniti, industri, dan alumni bagi menyokong teras **FSK Reach**. Setiap pusat pengajian berdasarkan kekuatan masing-masing telah melaksanakan pelbagai program komuniti melalui beberapa pendekatan seperti projek **SULAM, CSR/USR, dan KTP**. **Jawatankuasa SULAM** berperanan untuk membantu dari segi pelaporan dan konsultasi bagi setiap program SULAM yang dijalankan (Bukti 1.2.5).

Bagi menyokong teras **FSK ClinExpert**, kepimpinan BHEA telah memastikan **penempatan latihan klinikal** dijalankan di premis yang lengkap dan kondusif. Selain itu, **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK) FSK** juga digunakan sebagai pusat latihan dan klinik pengajaran yang akan mengukuhkan PdP pelajar (Bukti 1.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB02_20241_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB02_20242_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB02_20243_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB02_20244_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB02_20245_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan FSK sentiasa berusaha memastikan pencapaian halatuju Fakulti selari dengan aspirasi universiti dan kementerian. Oleh itu, FSK telah melaksanakan **perancangan yang sistematik, relevan dan bersepadu** dengan mengambil kira perkembangan teknologi terkini. Proses perluasan FSK yang menguruskan **aktiviti pembangunan akademik, pengurusan akademik, hal ehwal peperiksaan dan penilaian akademik** melalui secara dalaman dan luaran FSK.

Proses implementasi perancangan di atas diselaraskan mengikut tahap perluasan iaitu melalui **secara dalaman dan luaran fakulti**. Perluasan di peringkat dalaman dengan penyebaran pekeliling dalaman hasil daripada mesyuarat di peringkat FSK. Perluasan dalaman melibatkan penggunaan emel rasmi UiTM dan edaran memo dalam bentuk emel ataupun bercetak (Bukti 1.3.1). Manakala, kepimpinan FSK sentiasa memperluaskan hebahan maklumat di luar UiTM dengan menggunakan **media rasmi FSK Website, WhatsApp dan Media sosial FSK** (Bukti 1.3.2).

Selain itu, proses perluasan ke luar samaada kebangsaan dan antarabangsa melalui sesi **radio UFM, akhbar, Expo Selangkah dan penyertaan misi akademik** telah dijalankan (Bukti 1.3.3). Penglibatan pelajar dalam **summer camp, inbound/outbound dan program francais Sains Kesihatan di Qaiwan International University (QIU)** juga dapat memperluaskan kepimpinan FSK di **peringkat antarabangsa**. QIU berkerjasama dengan FSK dengan menggunakan aktiviti pembangunan akademik, pengurusan akademik, hal ehwal peperiksaan dan penilaian akademik yang sama dengan FSK. Ini menunjukkan kepimpinan BHEA terbukti berjaya diperluaskan hingga ke negara timur tengah. Di samping itu, penyebarluasan dilaksanakan melalui pelantikan sebagai **penasihat akademik, dan professor pelawat** dari universiti dalam dan luar negara juga membuktikan kualiti kepimpinan FSK (Bukti 1.3.4). Pengiktirafan ini membuktikan bahawa pensyarah FSK diantaranya telah mencapai hasrat universiti iaitu "Goes Global".

Kepimpinan BHEA FSK juga sentiasa **komited untuk penambahbaikan kualiti pensyarah dan kecemerlangan pelajar secara holistik** dengan mengalakkan pensyarah dan pelajar untuk **bergiat aktif dalam persatuan di luar UiTM** untuk memperluaskan halatuju Fakulti selari dengan aspirasi universiti dan kementerian. Pensyarah dan pelajar ini menjadi duta dalam memperkenalkan FSK ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB03_20241_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB03_20242_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB03_20243_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB03_20244_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB03_20245_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan BHEA telah melaksanakan proses pemantauan yang sistematis dan terancang bagi memastikan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjalan dengan terancang dan lestari. Proses sistematis ini merujuk kepada **Kerangka Monitor@FSK** iaitu inovasi dalam pelan pemantauan PdP HEA yang berfokus kepada empat teras strategik akademik: **FSK Goes Global, FSK Excel, FSK Reach, dan FSK ClinExpert** bagi memastikan program akademik ditawarkan memenuhi aspirasi negara, universiti, industri, dan masyarakat (Bukti 1.4.1a).

Proses pemantauan berteraskan model **F.A.S.T@FSK** melalui kerangka aliran monitor@FSK dengan memfokuskan kepada 3 kumpulan utama, iaitu Fakulti, Pusat pengajian dan Individu/Staf (Bukti 1.4.1a). **Pendekatan dua hala iaitu 'top-down'** melibatkan pelantikan pemimpin berkemampuan iaitu Dekan, Timbalan Dekan Hal-Ehwal Akademik, Ketua Pusat Pengajian, koordinator program dan unit Latihan dan **'bottom-up'** melibatkan pelaporan staf akademik kepada pihak kepimpinan menggunakan sistem **DASHBOARD@FSK** (Bukti 1.4.1a). Sistem DASHBOARD@FSK dipantau oleh Ketua Pusat Pengajian dan pengurusan tertinggi melalui mesyuarat pengurusan (Bukti 1.4.1b).

Pemantauan pelan strategik tadbir urus tangkas oleh BHEA untuk pencapaian PI dilakukan melalui proses **'flow and cascading'** dari serahan BTU hingga pelaporan (Bukti 1.4.1c). Pengagihan PI dilakukan mengikut unit dibawah HEA dan dipantau oleh koordinator serta penyelarasan yang dilantik (Bukti 1.4.1c). Indikator pemantauan pencapaian PI dibuat empat kali setahun. Pada suku tahun ketiga, HEA FSK mengadakan bengkel pecutan untuk analisis awal pemantauan dan pencapaian PI.

Proses pemantauan dan pencapaian setiap penghasilan tindakan PdP diadakan secara berterusan dan berkala setiap semester mengikut kitaran OBE dan analisis PDCA (Bukti 1.4.1d). Pencapaian diukur melalui indikator seperti analisa keputusan peperiksaan, CDL-CQI, pencapaian PLO program, Penilaian Kendiri Program (PSRR), Indeks Daya Saing Program Akademik (IDSPA), semakan kurikulum, penilaian akreditasi program, pemantauan pemeriksa luar industri dan akademik. Pelaporan pencapaian dibincangkan secara terperinci di beberapa mesyuarat akademik untuk menjamin kualiti program (Bukti 1.4.1d).

Bagi pemantauan pencapaian kompetensi akademik BHEA menggunakan sepenuhnya sistem SIMS, MyATP, UFUTURE, AIMS dan PRIME (real-time monitoring) sebagai instrument bagi memastikan staf dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan penambahbaikan boleh dilakukan (Bukti 1.4.1e). Data pemantauan yang diperolehi dianalisa dan dibentangkan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sekali setahun. Hasil daripada proses pemantauan ini dapat dilihat melalui pencapaian PI BHEA (Bukti 1.4.1e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB04_KC01_20241_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC01_20242_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC01_20243_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC01_20244_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC01_20245_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1e.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan BHEA telah merancang dan memantau bidang tumpuan mengikut agenda **Fakulti, UiTM, kebangsaan, dan global**. Kepimpinan HEA menangani risiko dalam aktiviti akademik dan pentadbiran dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemilik Risiko. **Proses pengurusan risiko di BHEA FSK melibatkan tindakan pembedahan, penambahbaikan, kaji semula, atau pengguguran projek** (Bukti 1.4.2a).

Tindakan kawalan risiko dilaksanakan dengan sistematik melalui proses mengenal pasti risiko. **Risiko yang berpotensi akan didaftarkan dan dikategorikan mengikut skop risiko** berdasarkan panduan pengurusan risiko UiTM iaitu: risiko strategik, kewangan, reputasi, perundangan, operasi, dan projek. Setelah itu, setiap risiko akan dinilai dari segi perincian dan tindakan pengawalan risiko akan dirangka dan dilaksanakan (Bukti 1.4.2b).

Melalui Bengkel Perancangan Strategik FSK, BHEA telah mengenal pasti dan **mendokumentasikan risiko keutamaan dalam Daftar Risiko FSK 2023** sebelum didaftarkan ke dalam sistem eRMS. Risiko pertama ialah KPI tahunan yang meningkat saban tahun, risiko kedua – kurang enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa, risiko ketiga – kadar kes mental illness yang semakin meningkat, risiko keempat – pencapaian GOT dan tamat belajar mengikut masa yang ditetapkan dan kelima – kebolehpasaran pelajar (Bukti 1.4.2c). Pemantauan risiko dinilai dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP (Bukti 1.4.2d).

Bagi risiko pertama, Kepimpinan telah mengambil langkah penambahbaikan dengan beberapa siri bengkel strategi dan agihan PI mengikut pusat pengajian. Bagi risiko kedua, BHEA telah mengambil inisiatif mewujudkan **koordinador pengantarabangsaan** untuk meningkatkan jumlah MoU dan MoA secara tidak langsung meningkatkan enrolmen pascasiswazah antarabangsa. Bagi risiko ketiga, BHEA telah mengambil tindakan **mewujudkan Task Force Mental Illness** dengan kerjasama Unit Kaunseling untuk menangani masalah mental di kalangan pelajar. Bagi risiko keempat, BHEA telah mengambil inisiatif **melaksanakan pemantauan berkala melalui Colloquium Postgraduate dengan menjemput penceramah** untuk memastikan momentum dan tahap pelajar pascasiswazah dalam pengajian dan bagi risiko kelima, BHEA telah mengambil tindakan mengadakan Profession Day/Carrier Day bagi pendedahan awal dan pemantapan kemahiran kebolehpasaran pelajar (Bukti 1.4.2e).

Kepimpinan BHEA komited memberi kesedaran kepada warga melalui **sinergi media dan komunikasi strategik** bagi memastikan semua pihak memahami risiko yang mungkin timbul dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurusnya. Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, BHEA FSK bersama Unit Pengurusan Risiko FSK telah merancang tindakan pencegahan risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC02_20241_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC02_20242_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC02_20243_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC02_20244_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC02_20245_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.2e.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan risiko adalah proses mengenalpasti, menilai, dan mengawal risiko, yang menjadi ciri utama organisasi cemerlang. BHEA FSK mengamalkan tindakan positif terhadap potensi risiko, mempertimbangkan kelemahan dalam latihan dan kawalan sumber manusia, proses kerja yang tidak lengkap, ketidakpatuhan proses, dan gangguan sistem. Proses Analisa **ACT@FSK** menunjukkan HEA berusaha mengawal risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan (Bukti 1.4.3a).

Proses Analisa@FSK:

Mengumpulkan data hasil penambahbaikan prestasi

Tahap pertama dalam analisis adalah mengumpulkan semua data dan informasi yang berkaitan dengan tindakan penambahbaikan prestasi yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan PnP (Bukti 1.4.3b).

Menilai data

Kepimpinan BHEA FSK akan melakukan penilaian komprehensif terhadap data yang dikumpulkan. Penilaian tren dan perubahan, dari tindakan penambahbaikan yang telah diambil (Bukti 1.4.3c).

Mengenalpasti kejayaan dan kelemahan

Kepimpinan BHEA FSK mengenalpasti kejayaan sebagai hasil dari tindakan penambahbaikan prestasi. Ini merangkumi menilai KPI yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Kelemahan prestasi di mana tindakan penambahbaikan tidak mencapai hasil yang diharapkan dinilai melalui **4W@BHEA FSK** (Bukti 1.4.3d).

Menyemak analisis kelemahan

Kepimpinan BHEA FSK memahami keberkesanan tindakan penambahbaikan melalui semakan analisis laporan audit dan pemantauan menggunakan analisis **SWOT** (Bukti 1.4.3d). Laporan penemuan Audit Dalam dan Audit Prosedur menjadi platform penting untuk kajian semula dan penambahbaikan yang dibincangkan dalam MSKP. Hasil penemuan audit dianalisis dan dibentangkan kepada ketua jabatan, yang kemudian menyampaikan hasil mesyuarat kepada staf untuk tindakan penambahbaikan yang efisien.

Mengambil tindakan penambahbaikan

Hasil penambahbaikan bagi semua risiko dapat dilihat dengan kejayaan **peningkatan prestasi FSK dengan kejayaan pencapaian KPI, peningkatan enrolment pelajar pascasiswazah antarabangsa, pengurangan kes mental illness di kalangan pelajar, peningkatan kebolehpasaran pelajar dan peningkatan jumlah GOT dan tamat belajar bagi pelajar pascasiswazah**(Bukti 1.4.3e).

Kesimpulannya, BHEA telah memantau dan menganalisis hasil perancangan strategik untuk penambahbaikan, dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan FSK, dan dikongsi dengan warga FSK. Pengurusan risiko yang komprehensif memastikan semua risiko dikenalpasti, dinilai, dan dikendalikan dengan berkesan, membantu mencapai matlamat dan KPI serta memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC03_20241_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC03_20242_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC03_20243_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC03_20244_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC03_20245_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3e.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan FSK sentiasa dan **telah mengintegrasikan budaya cemerlang dalam pengurusan BHEA** berdasarkan 4 Teras Strategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert. Pembudayaan ini menerapkan konsep ESI dan iDART UiTM. Selain itu, **kepimpinan BHEA menggunakan pendekatan ECSI (Empowering, Connecting, Strengthening dan Inspiring)** bagi **memupuk budaya cemerlang dalam kalangan warga FSK** (Bukti 1.5.1).

Melalui FSK Excel, Kepimpinan BHEA membudayakan proses **semakan kurikulum terancang dan terangkum** iaitu proses semakan sentiasa dilakukan mengikut keperluan dan melibatkan **pihak industri dan panel penilai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Proses ini juga merujuk kepada **Quadruple Helix Engagement Model (QHEM)** yang berdasarkan 4 sumber utama dan memberikan impak kepada 4 kumpulan utama. FSK turut **membudayakan Benchmarking Assessment** bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan dan terkehadapan. FSK juga memastikan **budaya kerja berkualiti dan betul** dengan melibatkan UHEK dalam proses semakan kurikulum (Bukti 1.5.2).

Selain itu, **pembudayaan kolaborasi PdP** seperti CGCT juga diberikan tumpuan. Proses integrasi yang telah dilaksanakan oleh BHEA ialah melalui **Inovasi Kit CGCT** yang menjadi dokumen utama dalam proses CGCT. Para pensyarah amat mudah mendapatkan dokumen dan sumber rujukan bagi pendaftaran dan pelaporan CGCT. **BHEA juga sentiasa memupuk budaya kecemerlangan pelajar** dengan menganjurkan Majlis Anugerah Dekan, 2 kali pada setiap tahun dan **telah membudayakan PdP berteraskan Teknologi** dengan menggalakkan pembangunan MOOC dan Microcredential. Pembudayaan ini dibuktikan melalui sokongan kewangan kepimpinan FSK untuk menyertai pertandingan e-Condev yang dianjurkan UiTM dan pendaftaran pensyarah untuk membangunkan kursus-kursus atas talian (Bukti 1.5.3).

Dibawah FSK Goes Global, BHEA telah menggalakkan **pembudayaan pelaksanaan program PdP di peringkat antarabangsa** dengan mewujudkan **Summer Camp @FSK Package**. Pada tahun 2023, kepimpinan telah mengenalpasti keperluan untuk melaksanakan program peringkat antarabangsa setiap tahun dan menggalakkan setiap Pusat Pengajian menganjurkan program Summer Camp. Oleh itu, **Summer Camp @FSK Package** telah diwujudkan sebagai salah satu proses integrasi pembudayaan di FSK (Bukti 1.5.4).

Melalui FSK Reach, Kepimpinan BHEA sentiasa **membudayakan program khidmat komuniti** iaitu SULAM, CSR dan KTP sebagai **budaya pemindahan ilmu dari kampus ke masyarakat dan membantu pementapan PdP dari aspek Skills based learning**. Program-program ini telah dijalankan diperingkat nasional dan antarabangsa dan menjadi budaya di FSK. Selain itu, para pensyarah telah **membudayakan penulisan ilmiah** di akhbar atau media tempatan sebagai salah satu cara perkongsian ilmu kepada masyarakat umum (Bukti 1.5.4).

Selain itu, Kepimpinan BHEA melalui FSK ClinExpert telah **membudayakan dan memastikan pemberian khidmat kesihatan terbaik** melalui Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK) kepada pesakit dari UiTM dan luar UiTM. Contohnya, operasi klinik mengikut SOP yang ditetapkan dan sentiasa mengambil maklum maklumbalas daripada pesakit. PRPK juga membantu proses PdP dengan menyediakan tempat latihan klinikal kepada pelajar FSK (Bukti 1.5.5).

Kepimpinan BHEA mengintegrasikan konsep F.A.S.T, iaitu salah satu model FSK dalam komunikasi FSK di peringkat dalaman dan luaran. **FSK telah menggunakan media massa dengan teknologi komunikasi terkini** seperti emel, laman sesawang, media sosial dan aplikasi messaging seperti WhatsApp. Selain itu, **BHEA menggunakan media massa utama seperti akhbar dan majalah**. Segala maklumat yang diterima di peringkat atasan sentiasa dimaklumkan kepada semua warga FSK (dalaman) dan orang luar melalui pelbagai medium dan secara berterusan (Bukti 1.5.5).

SENARAI BUKTI :

-
1. [F0042_K01_KB05_20241_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.1.pdf](#)
 2. [F0042_K01_KB05_20242_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.2.pdf](#)
 3. [F0042_K01_KB05_20243_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.3.pdf](#)
 4. [F0042_K01_KB05_20244_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.4.pdf](#)
 5. [F0042_K01_KB05_20245_FSK KEPIMPINAN_BUKTI_1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik FSK telah dirangka berpandukan pelan strategik UiTM2025 dan agenda pembangunan negara dan trend global, termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Revolusi Perindustrian 4.0, Masyarakat 5.0, dan Matlamat Pembangunan Lestari. Strategic Action Plan (SAP) FSK 2023 ini adalah sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi institusi pengajian tinggi bertaraf dunia, menyediakan pendidikan yang berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran global. SAP FSK 2023 turut memberi penekanan dalam mewujudkan persekitaran klinikal sebenar kepada pelajar untuk menjana kompetensi klinikal, di samping menjadi sumber penjana dana fakulti.

Perancangan: SAP FSK 2023 bagi bidang tumpuan iaitu PdP dirancang berdasarkan analisis pencapaian tahun 2022, analisis SWOT, dan cetusan elemen inovasi, selaras dengan Perancangan Strategik Jangka Panjang 2020-2025 FSK. Bengkel SAP FSK telah dilaksanakan pada awal tahun melibatkan pengurusan tertinggi, ketua pusat pengajian dan pengurus projek yang dilantik. Hasil dari bengkel tersebut, 4 Teras Strategik Akademik telah dirancang oleh FSK pada tahun 2023 iaitu FSK Excel; inisiatif untuk memartabatkan kualiti sistem pendidikan, FSK Goes Global; inisiatif bagi memantapkan PdP melalui pengantarabangsaan, FSK Reach; inisiatif bagi memperkasakan PdP melalui kolaborasi komuniti, industri dan alumni, dan FSK ClinExpert; inisiatif untuk mengukuhkan latihan dan perkhidmatan klinikal bagi mendukung proses PdP di FSK.

Pelaksanaan: Implementasi inisiatif strategik FSK melibatkan semua warga FSK termasuk pensyarah, staf pentadbiran, staf sokongan dan pelajar. Seramai 5 peneraju projek telah dilantik bagi membantu FSK merealisasikan setiap projek yang dirangka. Pembahagian PI, penetapan matlamat, sasaran dan garis masa bagi setiap projek dilakukan setelah mengenalpasti kapasiti dan kekuatan setiap pusat pengajian dan jawatankuasa pelaksana. Bagi memastikan 4 Teras Strategik Akademik ini dicapai, FSK telah menyebarkan SAP 2023 ini kepada warga FSK melalui Majlis Amanat Dekan serta hebahan melalui laman sesawang rasmi fakulti.

Pemantauan: Pelaksanaan 4 Teras Strategik Akademik FSK 2023 ini telah dipantau melalui sistem Dashboard@FSK setiap 3 bulan di semua peringkat dan dibentangkan secara berkala semasa mesyuarat pengurusan fakulti. Selain itu, Bengkel Pecutan SAP FSK 2023 telah dilaksanakan bagi mengenalpasti kesemua objektif PI yang belum tercapai dan cara untuk mengatasi permasalahan tersebut.

Tindakan Penambahbaikan: Hasil daripada maklumbalas dan analisa risiko, tindakan dan intervensi telah diambil oleh FSK bagi memastikan inisiatif objektif dalam bidang tumpuan dapat dilaksanakan. Antara langkah yang diambil termasuklah agihan PI secara adil dengan mengambil kira kepakaran dan kesediaan sesuatu pusat pengajian bagi menangani masalah KPI tahunan yang meningkat saban tahun. Peningkatan promosi dan visibiliti pensyarah serta fakulti turut dilakukan bagi mengatasi masalah enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa yang rendah. Selain itu, taklimat, bengkel, dan latihan telah dilaksanakan bagi meningkatkan skil staf dalam PdP, sekaligus mengatasi masalah kekurangan penglibatan staf dalam MOOC dan eCONDEV. Hasil pencapaian FSK telah dihebahkan kepada semua warga FSK di platform media sosial FSK bagi menjana motivasi dalam kalangan warga. Pembelajaran berterusan digerakkan melalui sesi perkongsian bersama panel yang berkepakaran tinggi serta kolaborasi bersama industri dalam dan luar negara. Hasil daripada pembudayaan kualiti kerja yang cemerlang ini membolehkan FSK meraih status enam bintang dalam Penunjuk Prestasi UiTM 2023.

Perancangan strategik mapan memacu kesinambungan kecemerlangan bagi kegemilangan masa hadapan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSK sentiasa bertindak secara asertif dan holistik untuk memastikan pencapaian cemerlang fakulti dengan menetapkan hala tuju dan matlamatnya. Pendekatan ini melibatkan semua anggota fakulti termasuk akademik dan bukan akademik. Untuk menjana semangat dan mengekalkan momentum setiap ahli fakulti, pihak pengurusan tertinggi meniupkan semangat **We are FSKians**, menerapkan dan mengekalkan nilai **PRIDE dan ESI-IDART**.

Dengan aspirasi **GRU2025: Towards a Globally Renowned University** dan berteraskan nilai, visi, dan misi UiTM, perancangan FSK dirumuskan dengan akronim **GOAT (Goals, Operational definition, Actions, Timeline)**. Perancangan ini disusun melalui pelan strategik yang komprehensif dan simbiotik kerana kepentingan dan nilai estetik setiap ahli fakulti menjadi asas utama ke arah pencapaian cemerlang. Selaras dengan **Perancangan Strategik Jangka Panjang 2020-2025 FSK, Strategic Action Plan (SAP) FSK 2023** dirangka dengan penjanaaan idea dinamik dan sinergi bersama pihak pengurusan dan pelaksana. Ia dibangunkan berdasarkan analisis pencapaian tahun 2022, semakan SAP tahun sebelumnya, dan analisa SWOT (Bukti 2.2.1). Ini bagi memastikan bahawa perancangan tahun 2023 berteraskan PI, feasible, dan berimpak tinggi ke arah kecemerlangan FSK dengan komitmen padu semua ahli fakulti merentasi pusat pengajian, jabatan, unit, dan individu, dengan mengambil kira kepakaran dan kompetensi (Bukti 2.2.2). **Dasar Kualiti UiTM** menjadi teras di samping **Objektif Kualiti FSK** yang menunjukkan komitmen untuk menyediakan pendidikan bertaraf global dalam bidang sains kesihatan, yang berfokus pada pelanggan serta berasaskan penyelidikan dan perundingan (Bukti 2.2.3).

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan agenda utama kecemerlangan FSK. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) memastikan pencapaian gemilang FSK berteraskan tiga tujahan utama UiTM: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berasaskan Nilai**. Ini dapat dilihat dari trend peningkatan PI Akademik dan Antarabangsa (A&A) dari tahun 2020 hingga 2023. Dari sejumlah 18 PI yang disasarkan, BHEA telah mengenalpasti kapasiti dan kekuatan fakulti melalui **Perancangan Strategik Jangka Panjang, Taktikal dan Operasi** dengan merangka **Teras Strategik Akademik FSK** bagi tahun 2023 (Bukti 2.2.4).

Untuk mencapai sasaran penghasilan graduan dan kecemerlangan staf khususnya pensyarah di pasaran global, **FSK Excel** merupakan teras pertama BHEA yang dirangka berdasarkan **Teras Strategik 1: Pendidikan Berkualiti** bagi memenuhi **Tunjang Strategik 1: Ahli Fakulti Bertaraf Dunia** dan **Tunjang Strategik 2: Kebolehpasaran Pelajar Secara Global**. Manakala teras kedua, **FSK Goes Global**, menjurus kepada **Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global** dengan memenuhi **Tunjang Strategik 3 dan 4: Kebolehpasaran Staf Secara Global dan Kecemerlangan Staf Sokongan**.

FSK Reach adalah teras ketiga BHEA yang disasarkan bagi memenuhi **Tunjang Strategik 5: Keterlibatan Industri dan Komuniti, Pihak Berkuasa, dan Agensi Kerajaan** dan **Tunjang Strategik 6: Keterlibatan Alumni**. **FSK ClinExpert** adalah teras unik FSK yang mewujudkan persekitaran klinikal sebenar kepada pelajar untuk menjana kompetensi klinikal, di samping menyumbang kepada dana fakulti. Bagi memastikan agenda dan inisiatif ini direalisasikan secara total, pihak pengurusan tertinggi fakulti telah mewujudkan **Pusat Rehabilitasi dan Pengurusan Klinik (PRPK)** (Bukti 2.2.5).

Penglibatan aktif dan sinergi dari semua yang terlibat dapat memberikan impak yang komprehensif terhadap kecemerlangan pelajar, staf dan semua pihak yang berkepentingan. Perancangan strategik FSK melalui inovasi empat **Teras Strategik Akademik FSK** ini telah meningkatkan kecemerlangan PdP di FSK.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB02_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.2.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB02_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.2.2.pdf](#)

3. [F0042_P01_PB02_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.2.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB02_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.2.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB02_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif SAP FSK telah dirancang sejajar dengan matlamat dan agenda universiti seperti yang digariskan oleh **Pelan Strategik (PS) UiTM2025**. Agenda pembangunan negara dan trend global, termasuk **PPPM 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Revolusi Perindustrian 4.0, Masyarakat 5.0, dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)** digunakan sebagai prinsip panduan bagi memastikan SAP FSK selari dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh universiti khususnya, dan negara amnya. Sehubungan itu, SAP FSK pada tahun 2023 telah dilaksanakan bagi mencapai **18 PI** dalam bidang tumpuan berdasarkan sasaran yang telah diterima dari Bahagian Transformasi UiTM (BTU). Bagi mencapai PI yang telah disasarkan, empat **Teras Strategik Akademik FSK** telah dirangka bersandarkan **3 Teras Strategik** dan **6 Tunjang Strategik** UiTM2025.

Implementasi inisiatif strategik FSK **melibatkan semua warga FSK** termasuk pensyarah, staf pentadbiran, staf sokongan dan pelajar. Seramai **5 peneraju projek** yang terdiri daripada Koordinator SULAM, Penolong Pendaftar Akademik, Koordinator e-Pengajaran, KPPS dan Koordinator UiTM Global telah dilantik bagi membantu menjayakan setiap projek yang dirangka. TDA FSK selaku peneraju utama bidang tumpuan telah memastikan penerangan PI dan strategi yang telah dirangka oleh fakulti difahami oleh setiap peneraju projek serta **KPP** semasa **Mesyuarat Pengurusan FSK dan bengkel SAP** (Bukti 2.3.1) yang dilaksanakan pada awal tahun. Pembahagian PI, penetapan matlamat, sasaran dan garis masa bagi setiap projek dan pusat pengajian juga telah dilaksanakan semasa mesyuarat dan bengkel tersebut (Bukti 2.3.2). Seterusnya, peneraju projek dan KPP menyebarkan sasaran PI kepada semua warga melalui **mesyuarat di peringkat pusat pengajian** dan jawatankuasa berkaitan (Bukti 2.3.3).

Selain itu, perluasan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan telah disebarluaskan kepada warga FSK melalui **Majlis Amanat Dekan** (Bukti 2.3.4) dan beberapa siri mesyuarat termasuklah Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Pusat Pengajian, dan mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan. Majlis Amanat Dekan khususnya melibatkan sesi **penerangan oleh Dekan dan TDA** tentang hala tuju fakulti dan menyebarkan maklumat berkaitan inisiatif fakulti dalam bidang tumpuan. Ia dilaksanakan pada awal tahun 2023 bagi memastikan setiap warga FSK memahami dan menjiwai perancangan strategik yang telah dirangka serta berusaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Penyebarluasan SAP ini turut diperkukuh melalui **perbincangan sasaran setiap ahli di peringkat pusat pengajian dan jawatankuasa berkaitan** semasa mesyuarat susulan. Sebagai langkah proaktif, pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategik FSK turut **disebar luas di seluruh sistem UiTM** melalui hebahan aktiviti di laman web rasmi dan media sosial FSK (Bukti 2.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB03_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.3.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB03_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.3.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB03_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.3.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB03_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.3.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB03_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik tercapai dan dilaksanakan dengan berkesan, pihak BHEA FSK telah mewujudkan dan melaksanakan **sistem pemantauan Dashboard@FSK** (Bukti 2.4.1a). Sistem pemantauan ini dilaksanakan berdasarkan **model F.A.S.T@FSK** yang menyasarkan 3 kumpulan utama iaitu: **Fakulti, Pusat Pengajian dan Staf**. Pemantauan ini dilaksanakan **setiap tiga bulan** iaitu pada **Q1: April 2023, Q2: Julai 2023, Q3: Oktober 2023** dan **Q4: Januari 2024** demi memastikan SAP FSK dapat dicapai. Pemantauan ini dilaksanakan di semua peringkat iaitu **pusat pengajian**, peringkat **pengurusan** dan juga peringkat **pengurusan tertinggi** melalui pelaporan yang dibentangkan melalui **mesyuarat pusat pengajian, Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF)** dan **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** (Bukti 2.4.1b).

Hasil pemantauan dan laporan serta kejayaan yang dicapai disebar dengan secara menyeluruh di kalangan warga kerja fakulti melalui poster, laman sosial FSK dan kumpulan whatsapp Akademik FSK. **Bengkel Pecutan SAP FSK 2023** (Bukti 2.4.1c) turut dilaksanakan bagi **mengenalpasti kesemua objektif PI yang belum tercapai dan cara untuk mengatasi permasalahan tersebut**. Bengkel ini dihadiri oleh semua pengurusan tertinggi dan individu yang bertanggungjawab dalam memastikan PI FSK tercapai. Hasil daripada bengkel tersebut ialah penetapan **sasaran peratusan pencapaian PI** secara keseluruhan yang ingin dicapai FSK **dianalisa dan dibentangkan** dan data pencapaian ini dibincangkan dan **keputusan kolektif** diambil agar **tindakan segera** dilaksanakan terhadap permasalahan yang wujud (Bukti 2.4.1d). Laporan pencapaian, kejayaan dan maklumat yang diperolehi hasil daripada strategi ini **disebarluaskan melalui medium rasmi FSK** seperti email **Wacana FSK**, laman sosial **Facebook FSK** dan juga **kumpulan Whatsapp FSK** agar menjadi motivasi warga kerja FSK dan pada masa sama meningkatkan visibiliti FSK (Bukti 2.4.1e).

Hasil pemantauan yang dilaksanakan ini digunakan untuk mengkaji semula dan menambah baik pengurusan, memperbaiki proses PdP, dan juga merupakan input untuk meningkatkan kualiti dan mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan pencapaian PI FSK.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB04_PC01_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC01_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC01_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC01_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC01_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.1e.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSK mengambil langkah **pengurusan risiko yang sistematik** dan teliti berpandukan proses pengurusan risiko UiTM (Bukti 2.4.2a) bagi memastikan penetapan strategi dapat dicapai dengan mengambil kira risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi. Pengurusan risiko ini bertujuan untuk menggalakkan budaya kerja yang proaktif selain membantu pengurusan untuk membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan risiko.

Penyelaras risiko FSK dilantik bagi mengenalpasti dan memantau status risiko secara berterusan (Bukti 2.4.2b). **Mesyuarat Pengurusan Risiko** (Bukti 2.4.2c) dilaksanakan pada awal tahun agar faktor risiko luaran dan dalaman dapat dikenalpasti awal dan PTJ cakna dan langkah-langkah mitigasi dapat dilaksanakan. Selain mesyuarat risiko, **Bengkel Pecutan SAP** yang dilaksanakan juga telah mengenalpasti beberapa risiko yang memberi kesan kepada PI fakulti. **Analisa SWOT** juga turut dijalankan bagi mengenalpasti risiko oleh pihak pengurusan risiko fakulti. Analisa SWOT ini dilaksanakan melalui bengkel perancangan strategik di mana pihak PTJ dan ahli-ahli berpengalaman berbincang dan menganalisa proses dan kerangka yang kemungkinan menyumbang kepada risiko. Selain itu **laporan audit** turut diambil kira.

Setelah **risiko-risiko ini dikenalpasti, risiko ini diklasifikasikan dan tahap kebarangkalian risiko ini boleh berlaku dinilai** (Bukti 2.4.2d). Penilaian risiko ini dilaksanakan bagi membantu pihak pengurusan mengambil tindakan kawalan yang bersesuaian. Kesemua risiko yang dikenalpasti ini didaftarkan ke dalam **sistem eRMS FSK** (Bukti 2.4.2e).

Berikut merupakan **antara risiko-risiko yang telah dikenalpasti**:

KPI tahunan yang meningkat saban tahun (KPI UiTM-FSK 2020-2025) di bawah kategori operasi telah dikenalpasti. Risiko ini menyebabkan peningkatan bebanan kerja kepada pensyarah yang mampu memberi implikasi kepada tugas hakiki pensyarah.

Enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa yang kurang mendapat sambutan turut dikenalpasti.

Penglibatan MOOC dan eCONDEV kurang mendapat sambutan oleh pensyarah. Antara langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh FSK ialah penyediaan bengkel MOOC dan eCONDEV oleh jawatankuasa LATIH.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC02_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC02_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC02_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC02_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC02_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2e.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada maklumbalas dan analisa risiko, pihak **pengurusan fakulti** telah mengambil **tindakan penambahbaikan** bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan dapat dilaksanakan. Pemantauan yang dilaksanakan secara berkala oleh pihak pengurusan tertinggi FSK merupakan penanda aras dan faktor kajian semula pelan strategik FSK dijalankan. Berikut merupakan tindakan dan intervensi yang dilaksanakan hasil daripada beberapa maklumbalas yang diperolehi:

KPI tahunan yang meningkat saban tahun (KPI UiTM-FSK 2020-2025)

Tindakan: Pihak fakulti telah mengambil langkah yang proaktif bagi menangani permasalahan ini dengan melaksanakan **agihan PI secara adil dan saksama** dengan **mengambil kira kepakaran bidang dan kesediaan sesuatu pusat pengajian** tersebut (Bukti 2.4.3a). Selain itu, siri bengkel strategi dilaksanakan untuk menerangkan proses kerja bagi mencapai sasaran PI. Bagi menghargai usaha dan pencapaian warga FSK, **pihak pengurusan fakulti turut memberikan penghargaan** seperti surat penghargaan dan menganjurkan program seperti Family Day FSK serta Majlis Anugerah Kualiti (Bukti 2.4.3b) kerana warga FSK telah berusaha dan berganding bahu bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Inisiatif ini turut diambil bagi meningkatkan motivasi warga FSK dalam melaksanakan tugas hakiki.

Enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa yang kurang mendapat sambutan

Tindakan: Pihak fakulti telah mengambil inisiatif dengan **meningkatkan promosi dan visibiliti** enrolmen bagi pelajar pascasiswazah dan telah melaksanakan beberapa siri **MOU & MOA** dengan universiti antarabangsa (Bukti 2.4.3c) .

Penglibatan MOOC dan eCONDEV kurang mendapat sambutan daripada staf akademik.

Tindakan: **Taklimat awal, latihan dan bengkel akademik** dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan skil pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran (Bukti 2.4.3d). Selain itu, **pembimbing bagi pensyarah yang kurang berpengalaman** telah dilantik bagi membantu dan membimbing pensyarah ini (Bukti 2.4.3e). Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan kualiti akademik FSK berada di peringkat yang terbaik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC03_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC03_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC03_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC03_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC03_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.3e.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan cara kerja dan ekosistem FSK yang berlandaskan sasaran yang ditetapkan dan inisiatif yang digerakkan telah dirancang dengan begitu menyeluruh, berpaksikan nilai-nilai murni UiTM demi menghasilkan kerja yang cemerlang. FSK percaya bahawa “yang bulat tidak akan bergolek, yang pipih tidak datang melayang”.

Pemantauan berkala melalui inovasi **Dashboard@FSK** dilaksanakan oleh pemimpin FSK yang terdiri daripada Majlis Pengurusan Eksekutif, Ketua Pusat Pengajian, dan Jawatankuasa Pelaksana. Pemantauan sistematik ini dijalankan setiap suku tahun untuk menilai dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan, meramalkan keberhasilan inisiatif yang telah dilaksanakan, dan mengambil langkah mitigasi yang bersesuaian (Bukti 2.5.1).

Selain itu, **pembelajaran berterusan** digerakkan secara berkala oleh Jawatankuasa yang memimpin **Teras Strategik Akademik FSK** seperti **FSK Excel**, dengan galakan kepada setiap pensyarah untuk menyertai sesi perkongsian yang dianjurkan oleh BHEA dan fakulti lain untuk mengadaptasi amalan terbaik. **Jemputan panel yang berkepakaran tinggi** dalam bidang adalah langkah antara usaha yang digarap bagi tujuan ini (Bukti 2.5.2). **Pembudayaan kualiti kerja yang cemerlang** dipandu dengan usaha bersinergi dan penerapan aura berdaya saing dalam kalangan warga FSK, agar mereka dapat memahami peranan masing-masing dalam mencapai matlamat dan menggalakkan budaya kerjasama, amanah, serta tanggungjawab.

Pelaporan pencapaian diterjemahkan dalam bentuk data statistik dan poster pengiktirafan, serta pencapaian tersebut dihebahkan kepada semua warga FSK dengan hashtag **#fskpower** dan **#fskgemilang** di platform media sosial FSK. Pencapaian ini termasuk kejayaan FSK dalam **meningkatkan star rating** FSK melalui **FSK Reach** dan telah berjaya mencapai **status enam bintang dalam Penunjuk Prestasi UiTM 2023**, peningkatan bilangan penunjuk prestasi Akademik dan Antarabangsa, serta prestasi dari tahun 2021 hingga 2023 yang terus meningkat (Bukti 2.5.3). Ini bertujuan untuk membangkitkan semangat kerjasama dan menjana motivasi, di samping menyuntik daya saing dalam kalangan warga.

Namun, kejayaan yang dilakarkan oleh FSK tidak mungkin tercapai tanpa usaha dan dedikasi setiap warganya. Sebagai tanda penghargaan, ucapan tahniah, sijil penghargaan, dan pengumuman di semua platform berkaitan FSK telah disampaikan. Antara pencapaian yang diraikan termasuk kejayaan Pusat Pengajian Kejururawatan, Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan, Fisioterapi, Pemulihan Cara Kerja, dan Dietetik yang berjaya memperoleh **tempat kedua dalam META XXV** melalui projek berimpak tinggi, **FSK Goes Global: An Indonesian Chapter**. Projek ini merupakan salah satu juga Teras Strategik Akademik FSK yang berjaya **menjana RM 179,137.00** pada tahun 2023, melibatkan institusi pengajian tinggi dari pelbagai negara seperti Indonesia, Brunei, United Kingdom, dan Australia (Bukti 2.5.4). Inisiatif **FSK Goes Global** juga telah menyaksikan kejayaan FSK dalam menjalinkan kolaborasi antarabangsa dengan menjadi **benchmarking** program akademik kepada institusi pendidikan luar negara dalam pelbagai program sains kesihatan, menggiatkan **collaborative teaching**, dan **best practice sharing session** bersama pelbagai program pengajian yang dijalankan secara berkala, selain menganjurkan program **summer camp** bersama Australian National University. **Kolaborasi bersama industri luar negara** juga menjadi satu output yang terhasil dari inisiatif ini yang telah membuka peluang kepada graduan FSK memasuki pasaran global (Bukti 2.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB05_20241_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.5.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB05_20242_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.5.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB05_20243_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.5.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB05_20244_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.5.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB05_20245_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan pelanggan PdP FSK memfokuskan kepada dua entiti pelanggan yang telah dikenalpasti (pelanggan dalaman dan pelanggan luaran) melalui pelaksanaan dan pemerkasaan aktiviti berpaksikan Teras Strategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert.

Perancangan: Secara keseluruhannya, Teras Strategik Akademik FSK membantu dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan perkhidmatan untuk kedua-dua entiti pelanggan. FSK mengamalkan pendekatan holistik untuk memenuhi keperluan pelanggan dalaman (pelajar, pensyarah dan staf bukan akademik) dan luaran (industri, alumni, rakan universiti, dan komuniti). Melalui empat teras tersebut, FSK telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti dan kepuasan pelanggan. Antaranya penambahbaikan kurikulum melibatkan input pelbagai pihak berkepentingan, aktiviti pengantarabangsaan termasuk mobiliti dan e-pembelajaran, program kerjasama industri untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, program khidmat masyarakat yang mampan dan perkhidmatan klinikal yang inovatif melalui PRPK. Pendekatan bersepadu ini telah berjaya meningkatkan kualiti pendidikan, memperluas rangkaian global, dan memperkukuh hubungan dengan industri dan komuniti, sekaligus memenuhi pelbagai keperluan entiti pelanggan FSK.

Pelaksanaan: FSK telah mengimplementasikan strategi komprehensif untuk memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran. Pendekatan ini memanfaatkan pangkalan data UiTM seperti U-Future dan PRIMe untuk pengurusan data efisien untuk membolehkan respons pantas terhadap maklum balas pelanggan. Manakala inovasi dalam e-pembelajaran, kolaborasi antarabangsa, dan penglibatan industri telah membantu meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar dan hubungan baik dengan rakan strategik. Aktiviti khidmat masyarakat (CSR/KTP/SULAM) dilihat dapat memperkukuh hubungan dengan komuniti, manakala strategi pengkomersialan secara digital dapat meningkatkan kepuasan pelanggan PRPK. Impak signifikan termasuk peningkatan kualiti perkhidmatan, pengayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan pemerkasaan perkhidmatan komuniti.

Pemantauan: Komitmen FSK dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan PdP sentiasa terjaga dan mengikut standard, telah diterjemahkan melalui sistem pemantauan dan pengurusan risiko yang komprehensif. Mekanisme pemantauan seperti Student Feedback Online (SUFO), pemantauan profesionalisme pensyarah (PRO-PENS), dan pengisian CDL-CQI dalam sistem uFuture membolehkan maklum balas berterusan dari pelajar dan pensyarah, memastikan pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi. Penyeliaan statistik kehadiran pesakit sekala berkala dijalankan untuk memantau operasi perkhidmatan PRPK.

Tindakan Penambahbaikan: Risiko utama yang dikenalpasti meliputi kekangan kewangan untuk operasi PdP, isu kesihatan mental pelajar dan staf, serta risiko pelajar tidak menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk menangani risiko-risiko ini, FSK telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti peruntukan bajet khusus untuk operasi PdP, pemantauan kesejahteraan mental melalui program khusus dan pembangunan carta alir pengendalian kes kesihatan dan kesejahteraan mental, dan sistem penasihat akademik (PA) untuk pemantauan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa. FSK juga telah mengambil inisiatif tambahan seperti penganjuran Majlis Anugerah Dekan, Majlis Anugerah Kualiti dan APC untuk menghargai pencapaian pelajar dan staf. Program seperti Postgraduate Research Colloquium dan Career Day turut diadakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan penulisan. Pendekatan komprehensif ini memastikan pengalaman pembelajaran yang optimum untuk pelajar tempatan dan antarabangsa, serta kepuasan

pelanggan dalaman dan luaran FSK. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen FSK dalam memastikan kepuasan pelanggan yang tinggi di peringkat tempatan dan juga global, sejajar dengan tema aspirasi UiTM 2024 Globally Renowned, Locally Rooted untuk menjadi universiti yang gah di mata dunia namun tetap bertunjangkan identiti dalam konteks tempatan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Mendukung pelan strategik UiTM 2025 ke arah **Globally Renowned University**, FSK telah komited memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan melalui empat teras strategik utama- FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert. Usaha ini telah mendorong FSK mengenalpasti pelanggannya kepada dua entiti, iaitu Pelanggan Dalaman FSK dan Pelanggan Luaran FSK.

Pelanggan Dalaman FSK adalah terdiri daripada pelajar sebagai pelanggan utama, pensyarah dan staf bukan akademik (staf pentadbiran, dan pegawai klinikal Pusat Rehabilitasi & Perkhidmatan Klinikal (PRPK)). Manakala **Pelanggan Luaran FSK** atau dikenali juga sebagai pemegang taruh adalah merupakan panel industri dan kerajaan, rakan usahasama universiti, alumni, pengguna platform e-Pembelajaran, dan juga pelanggan awam PRPK (Bukti 3.2.1).

Pada tahun 2023, FSK mempunyai 2062 **pelajar** FSK yang terdiri daripada 1694 sarjana muda, 104 diploma serta 264 pascasiswazah, dan 160 pelajar luar FSK iaitu pelajar mobiliti antarabangsa (Bukti 3.2.1). **Kecemerlangan bakat pelajar dipacu oleh 125 tenaga akademik FSK** yang terdiri daripada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan Penolong Pensyarah yang bertindak sebagai penasihat akademik, pakar rujuk, penyelidik dan pembangun e-pembelajaran untuk PdP pelajar (Bukti 3.2.2).

Melalui FSK Excel, **pemantapan dan penambahbaikan kurikulum yang menyeluruh telah melibatkan kolaborasi tenaga akademik, panel industri dan kerajaan, rakan universiti** dan alumni ke arah kecemerlangan bakat pelajar (Bukti 3.2.3). Pelbagai program berimpak tinggi sepanjang tahun 2023 telah melibatkan **kerjasama industri dan alumni bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar** (Bukti 3.2.3). Pembangunan e-pembelajaran melalui 12 kursus MOOC/MC pada tahun 2023 juga merupakan **inovasi digital, telah meningkatkan lagi aksesibiliti dan fleksibiliti dalam pembelajaran di peringkat global** (Bukti 3.2.3). Selain itu, sebanyak 8 kumpulan Research Interest Group dan Research Group yang bernaung di bawah FSK turut **membudayakan aktiviti penyelidikan dalam memangkin kecemerlangan bakat pelajar** (Bukti 3.2.3).

Inisiatif FSK Goes Global **hasil usahasama dengan rakan universiti luar negara** seperti Australian National University, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Songkhla Rajabhat, Universiti 'Aisyiah Yogyakarta (UNISA) telah berjaya **mentransformasikan penyampaian pendidikan tinggi** (Bukti 3.2.4). Hasil inovasi strategik BHEA FSK, Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK telah melaksanakan pelbagai program mobiliti pelajar, latihan industri pelajar dan staf, dan program MoU/MoA dengan rakan universiti antarabangsa. FSK Reach juga telah menyaksikan **kemampuan program khidmat masyarakat FSK** melalui 26 program USR/ KTP yang mendapat penarafan 3 bintang dalam **memberikan manfaat kepada komuniti setempat dan antarabangsa** (Bukti 3.2.4).

Di dalam teras strategik FSK ClinExpert, pembelajaran di FSK bukan sahaja di dalam bilik kuliah dan makmal, malahan 5 fasiliti PRPK yang dibantu selia oleh 124 staf pentadbiran. PRPK telah menyediakan **pembelajaran di lapangan yang efektif dan pengalaman industri kepada pelajar dalam memberi perkhidmatan klinikal**. UiTM Vision Care, Klinik Fisioterapi, dan Klinik Terapi Diet adalah antara entiti di bawah PRPK yang menyediakan perkhidmatan klinikal kepada 9350 **pelanggan awam** yang meningkat setiap tahun (Bukti 3.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSK memanfaatkan sepenuhnya pangkalan data utama UiTM bagi tujuan pengumpulan, pengenalpastian dan penyimpanan data hasil dapatan empat teras strategiknya; FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert.

Melalui FSK Excel, pembangunan dan penyampaian kandungan akademik secara bersemuka dan e-pembelajaran secara dalam talian (MOOC/MC) melibatkan platform sistem **U-Future dan SIMS Academic**, telah membolehkan **data berkaitan kualiti pendidikan pelajar diakses secara meluas** (Bukti 3.3.1). Pengenalpastian kandungan e-pembelajaran FSK yang berpotensi untuk penganugerahan dan pengkomersilan di peringkat tertinggi seperti e-CONDEV telah **dikoordinasi secara efektif oleh jawatankuasa LATiH FSK. Data pengurusan pengajaran kolaboratif (CGCT) FSK yang turut melibatkan kerjasama tenaga akademik, industri dan rakan universiti telah diperluaskan** dengan penyampaian taklimat dan inovasi kit CGCT FSK (Bukti 3.3.2). Program perkongsian pintar profesyen, Career Day dan perkongsian bersama alumni juga telah **merekodkan penglibatan** panel industri dan kerajaan, rakan universiti dan alumni yang menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan FSK.

FSK Goes Global telah merekodkan jalinan kerjasama dengan rakan universiti antarabangsa; merangkumi pembelajaran pelajar, program inbound/outbound dan Summer Camp. Pelaporan aktiviti program dan dokumentasi penajaan pendapatan telah **dikoordinasi oleh Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK**, turut memanfaatkan sistem **NILAMs dan iCONs UiTM bagi tujuan perluasan data pelanggan** (Bukti 3.3.3). Senarai MoU/MoA dan aktiviti yang ditindikkan turut direkodkan di dalam PRIME. Manakala menerusi FSK Reach, pelaporan aktiviti SULAM, KTP dan USR/CSR telah dikoordinasi oleh **Jawatankuasa ICAN FSK** yang merekodkan aktiviti tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti dalam dan luar negara. **Integrasi sistem pangkalan data PRIME UiTM diperluaskan lagi** dalam FSK bagi proses penyimpanan dan penarafan bintang (Bukti 3.3.4.)

Perkhidmatan PRPK melalui inisiatif FSK ClinExpert adalah meluas melalui **inovasi pengiklanan perkhidmatan secara terancang dan berkala** melalui platform media sosial rasmi FSK; TikTok FSkuITM, dan Facebook- Fakulti Sains Kesihatan UiTM- FB Media Rasmi, yang dikoordinasi oleh unit multimedia FSK. Jumlah peningkatan viewers menunjukkan engagement yang berkesan untuk menghubungkan FSK dengan pelanggan awam PRPK. Dalam setiap fasiliti klinikal di PRPK, pelanggan awam yang telah membuat temujanji secara bersemuka atau dalam talian telah menjalani pemeriksaan dan konsultasi pada masa yang ditetapkan. **Data-data pelanggan ini direkodkan dan disimpan oleh jawatankuasa pengurusan klinik** masing-masing di PRPK (Bukti 3.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Komitmen FSK dalam memacu kecemerlangan PdP pelajar telah dimanifestasikan melalui kewujudan sistem pemantauan berterusan. Pemantauan pencapaian akademik pelajar dipantau secara berterusan menerusi **kewujudan sistem Penasihat Akademik (PA)**. PA dilantik di kalangan pensyarah yang bertanggungjawab memantau prestasi pelajar di bawah seliaannya. Selain itu, FSK turut membincangkan berkenaan prestasi akademik pelajar dalam **mesyuarat JAF** yang diadakan pada setiap hujung semester. Pelajar yang cemerlang akan dikenal pasti bagi tujuan pengurniaan anugerah manakala pelajar yang lemah dikenal pasti bagi tujuan perlaksanaan program penambahbaikan. Penganjuran **Majlis Anugerah Dekan** diadakan pada November 2023 bagi meraikan kecemerlangan pelajar dalam sesi akademik yang lepas. Penganjuran ini memberi galakan dan motivasi kepada pelajar dalam meningkatkan prestasi akademik di semester berikutnya (Bukti 3.4.1a).

Selain itu, pemantauan ke atas pensyarah dilaksanakan menerusi pelaksanaan **pemantauan profesionalisme pensyarah** yang dijalankan oleh Jawatankuasa PRO-PENS. Laporan pemantauan akan dimaklumkan kepada pensyarah yang dinilai bagi tujuan penambahbaikan. Pengisian **Student Feedback Online (SUFO)** oleh pelajar di akhir semester dapat membantu fakulti dalam menilai keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran pensyarah. Hasil dapatan SUFO dianalisa oleh Jawatankuasa NOBLE bersama pensyarah terbabit bagi membantu pensyarah membuat penambahbaikan dalam kaedah pengajaran semasa. Maklumbalas mengenai prestasi semasa pensyarah disampaikan menerusi pengisian CDL-CQI dalam sistem uFuture yang akan dianalisa di peringkat pusat pengajian dan jawatankuasa antara fakulti (Bukti 3.4.1b). FSK mengambil inisiatif meraikan kejayaan pensyarah menerusi penganjuran **Majlis Anugerah Kualiti**. Pensyarah dikurniakan anugerah berdasarkan kategori tertentu. Pengurniaan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** turut diberi kepada pensyarah yang menunjukkan prestasi kerja yang memberangsangkan (Bukti 3.4.1c).

Penggunaan sistem NILAMs membantu FSK dalam memantau pendaftaran MoU/MoA yang dilaksanakan di fakulti. Kewujudan MoU/MoA membolehkan **pelbagai program bersama rakan industri dilaksanakan** dengan jayanya (Bukti 3.4.1d). Pemantauan ke atas pengoperasian PRPK di FSK diterjemahkan menerusi **penyeliaan statistik kehadiran pesakit ke klinik** di bawah kendalian FSK secara berkala. Setiap klinik dilengkapi rekod kehadiran pesakit harian yang hadir mendapatkan perkhidmatan di klinik tersebut. Kehadiran pesakit yang konsisten ke klinik telah meningkatkan penjana pendapatan klinik sekaligus menjana pendapatan fakulti (Bukti 3.4.1e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB04_TC01_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC01_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC01_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC01_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC01_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.1e.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan PdP di FSK melibatkan pelbagai risiko. Risiko dikenalpasti dan dibincangkan dalam **mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK** (Bukti 3.4.2a). Risiko tersebut akan dikongsi bersama setiap Pusat Pengajian bagi tujuan penambahbaikan.

Pelajar UiTM terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga termasuk di kalangan yang kurang berkemampuan. Hal ini memungkinkan **risiko gangguan terhadap kelancaran pembelajaran dek kekangan kewangan**. Bagi mengurangkan risiko keciciran pembelajaran, FSK menerusi penglibatan semua pusat pengajian **proaktif dalam mengesan pelajar yang menghadapi masalah kewangan**.

FSK merupakan fakulti yang mempunyai 9 pusat pengajian dan jabatan yang melibatkan jurusan berkaitan sains kesihatan. Program yang ditawarkan di FSK melibatkan penggunaan alatan pembelajaran dan makmal yang **memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi**. Keperluan kewangan yang tinggi bukan sahaja melibatkan pembelian alatan bahkan turut meliputi kos penyelenggaraan. Hal ini memungkinkan proses pembelajaran terganggu. Bagi mengurangkan risiko ini, **FSK telah memperuntukkan bajet tertentu** bagi tujuan pembaikan dan pembelian. Selain itu, **bajet khas turut diperuntukkan** bagi penganjuran program luar seperti program Outbound Mobility (Bukti 3.4.2b).

Kemasukan pensyarah baru yang kurang pengalaman dalam pendidikan menyebabkan terdapat **risiko dalam proses pembelajaran**. Hal ini disebabkan kurangnya pendedahan terhadap kaedah pembelajaran efektif. Bagi mengatasi isu ini, FSK mewujudkan **sistem bimbingan pensyarah baru**. Pensyarah sedia ada dilantik sebagai pembimbing kepada pensyarah baru (Bukti 3.4.2c).

Selain itu, terdapat kebarangkalian **pelajar tidak menghabiskan pembelajaran mengikut tempoh masa yang dirancang**. Antara langkah yang diambil untuk meminimumkan risiko ini adalah menerusi **perjumpaan berkala bersama PA**. Perjumpaan bersama PA diadakan pada awal dan akhir setiap semester. Dapatan dari perjumpaan ini dicatatkan menerusi borang perjumpaan bersama PA dan dimajukan kepada pihak atasan bagi tujuan penambahbaikan (Bukti 3.4.2d).

Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran turut melibatkan **risiko kesihatan dan kesejahteraan mental** oleh pelajar. Terdapat kebarangkalian kesihatan mental pelajar terjejas semasa proses pelaksanaan dilaksanakan. Penjagaan mental sangat penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang. FSK telah menubuhkan **Jawatankuasa Pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian masalah berkaitan kesihatan mental** di kalangan pelajar FSK. Jawatankuasa ini berfungsi dalam mengenal pasti dan membincangkan isu berkaitan kesihatan mental pelajar (Bukti 3.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.2e.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM merupakan badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat di UiTM. Bagi membantu beban kewangan yang ditanggung oleh pelajar yang kurang berkemampuan, ZAWAF dengan kerjasama erat pusat pengajian proaktif dalam mengesan pelajar yang kurang berkemampuan bagi **pemberian zakat**. Pelajar yang dikenalpasti dipanggil bagi sesi temuduga pemberian zakat (Bukti 3.4.3a). Pemberian zakat ini dapat membantu pelajar dalam menyelesaikan pembayaran yuran pengajian dan membantu dalam membiayai kos kehidupan harian.

Selain itu, kebergantungan FSK kepada pihak Bendahari bagi peruntukan bajet baikpulih peralatan makmal dan ICT dikurangkan menerusi **penganjuran pelbagai program yang menyumbang ke arah penjanaaan pendapatan**. Penjanaaan pendapatan diperolehi hasil dari yuran penyertaan dan sumbangan dari syarikat yang menyertai program tersebut. Antara program yang dianjurkan adalah seperti simposium, webinar dan bengkel kompetensi. Hasil pendapatan dari program ini membantu FSK dalam menampung keperluan kewangan dalam pembaikan kerosakan alatan makmal di fakulti (Bukti 3.4.3b).

Pihak pengurusan amat cakna berkenaan keperluan latihan para pensyarah dan staf. Ini dibuktikan menerusi **penyertaan pensyarah dan staf dalam pelbagai latihan sepanjang tahun 2023** (Bukti 3.4.3c). Terdapat sejumlah 362 kursus telah disertai oleh pensyarah dan staf sepanjang tahun 2023. Penyertaan dalam kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan pensyarah dan staf mengenai perkembangan ilmu terkini. Selain itu, penganjuran program seperti Postgraduate Research Colloquium dan Career Day memberi peluang kepada para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan penulisan (Bukti 3.4.3d).

FSK mengambil pendekatan proaktif dalam penjagaan kesihatan mental pelajar. Pelbagai program telah dijalankan bagi memastikan kesihatan mental pelajar berada pada tahap yang optimum. Sesi **ceramah berkaitan penjagaan kesihatan mental telah diadakan semasa perjumpaan dekan bersama pelajar baru** pada 2 Oktober 2023 (Bukti 3.4.3e). Sesi ini memberi pendedahan kepada pelajar baru berkenaan kehidupan di universiti dan kepentingan penjagaan mental dalam mengharungi kehidupan di kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.4.3e.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi, amalan dan pembudayaan yang diusahakan oleh FSK melalui empat Teras Strategik FSK: **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach** dan **FSK ClinExpert** adalah **menyeluruh dan memberi manfaat** kepada **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran FSK UiTM**. Usaha daripada keberkesanan tindakan dan pelaksanaan program telah **membantu pembudayaan hasil** bukan sahaja **di peringkat tempatan** malahan **berskala global**.

Teras FSK Excel menjadi pemangkin dalam **melahirkan akademia bertaraf dunia** dan **kebolehpasaran pelajar secara global** seiring dengan matlamat strategik UiTM ke arah Globally Renowned University. **Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat** melalui **inovasi penerbitan buku penyelidikan dalaman - Healthscope** yang **berdaftar di MyJurnal** telah mencetuskan impak signifikan dalam **meningkatkan kemahiran penyelidikan** dan penulisan ilmiah, meningkatkan hasil kajian fakulti, **menggalakkan kolaborasi antara disiplin**, dan **menyokong pembangunan profesional berterusan** kepada **pelanggan dalaman** (pensyarah, penyelidik FSK dan pelajar) dan **pelanggan luaran** (rakan usahasama universiti dan industri) (Bukti 3.5.1).

Manakala **projek khas** iaitu **FSK Goes Global - An Indonesian Chapter**, mempamerkan **komitmen FSK** kepada **amalan dan pembudayaan hasil di peringkat antarabangsa** selari dengan **inisiatif Education 5.0 UiTM - Global Learning Experience**. Program ini merangkumi pengajaran kolaboratif, mobiliti pelajar, serta perkongsian kepakaran dan penyelidikan dengan pelbagai universiti di Indonesia. Aktiviti-aktiviti dijalankan melalui sesi maya, lawatan fizikal, juga latihan praktikal. Melalui program ini FSK berjaya **memperluas rangkaian antarabangsa**, **meningkatkan kualiti pendidikan**, dan **membuka peluang kolaborasi penyelidikan**. Sekaligus meletakkan **FSK sebagai pendukung utama** dalam **pendidikan sains kesihatan serantau**, serta memperkukuh kedudukan UiTM di arena global (Bukti 3.5.2).

Melalui **teras FSK ClinExpert**, **program-program inovatif** yang dijalankan merangkumi **perkhidmatan bas optometri bergerak** (Bukti 3.5.3) dan **penggunaan strategik platform media sosial**; TikTok FSKUITM, Facebook, serta program UiVC Go Live (Bukti 3.5.4). Pendekatan ini bukan sahaja **meningkatkan akses** kepada pelanggan luaran UiTM terhadap perkhidmatan kesihatan mata dan kesedaran masyarakat tempatan, tetapi juga memberi impak signifikan dalam pembudayaan hasil di peringkat global. Melalui penggunaan platform digital, FSK telah berjaya **mempromosikan amalan terbaik** penjagaan kesihatan mata secara meluas. Impak globalnya termasuk; pertukaran pengetahuan dan teknologi dengan rakan sektor antarabangsa, peningkatan kolaborasi penyelidikan rentas negara, dan **pengiktirafan FSK UiTM** sebagai **peneraju dalam inovasi perkhidmatan kesihatan mata**.

Teras FSK Reach melalui **program khidmat masyarakat (USR/KTP/SULAM)** yang telah dijalankan oleh pusat pengajian dan jabatan melibatkan penyertaan pelajar, kakitangan FSK dan komuniti telah membuktikan komitmen FSK dalam **membudayakan khidmat masyarakat dan pemindahan ilmu**. Program seperti **lawatan FSK ke sekolah** telah memberi impak signifikan dalam **memperkukuh hubungan antara FSK dengan komuniti tempatan**. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja **meningkatkan kesedaran masyarakat** tentang program-program FSK, tetapi juga **membuka peluang pendidikan tinggi** kepada pelajar sekolah. Pendekatan ini **selaras dengan aspirasi UiTM** untuk menjadi **'locally rooted'**, di mana **FSK memainkan peranan penting** dalam **pembangunan komuniti setempat** (Bukti 3.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB05_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.5.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB05_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.5.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB05_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.5.3.pdf](#)

4. [F0042_T01_TB05_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.5.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB05_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN_BUKTI_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM berfokus kepada kesihatan dan kesejahteraan serta sering memberi impak signifikan dalam PdP melalui pelbagai model pengukuran dan analisis yang menilai pencapaian secara holistik.

Perancangan: Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan bidang PdP bermula dengan objektif kualiti fakulti yang telah ditetapkan diikuti dengan petunjuk prestasi (PI) fakulti yang ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM. Perancangan FSK dalam bidang tumpuan adalah berdasarkan pengukuran dan analisa yang diperoleh daripada 2 kaedah utama iaitu kaedah pengukuran individu dan organisasi. Ianya adalah selari dengan dasar kerajaan dan dasar UiTM sendiri yang berhasrat menuju kearah Globally Renowned University (GRU) menjelang 2025.

Pelaksanaan: Pelaksanaan perancangan secara sistematik dan efisien serta instrumen pengukuran yang tepat dan berkesan telah memacu kelangsungan kecemerlangan bidang tumpuan. Penggunaan inovasi Model Pelan Pengurusan Risiko dan Dashboard@FSK memacu kecemerlangan PdP FSK melalui empat Teras Strategik Akademik FSK iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach dan FSK ClinExpert yang berpotensi menyumbang kepada realisasi aspirasi UiTM GRU 2025. Pengukuran pencapaian pelajar diukur menerusi instrumen 6 KPI Pencapaian Akademik manakala pengukuran pencapaian pensyarah diukur melalui TEX (SUFO, TESA, PROPENS) dan myATP. Pengukuran organisasi menggunakan instrumen seperti laporan pencapaian PI A&A, QS World University Ranking, Happiness Index UiTM, kaji selidik kepuasan pengurusan FSK dan kepuasan pelanggan PRPK secara berkala bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta peluang untuk penambahbaikan.

Pemantauan: Mekanisme pemantauan menyeluruh bidang tumpuan melalui kaedah P.F.U iaitu pemantauan dan pelaporan holistik bidang tumpuan di peringkat Pusat pengajian, Fakulti, dan Universiti diukur menerusi pengumpulan data dari keempat-empat aspek yang telah dinyatakan, aduan dan maklumbalas pelanggan. FSK telah memastikan penilaian dan pemantau dijalankan secara berkala agar pengesanan awal risiko menerusi Model Pelan Pengurusan Risiko dan penambahbaikan dapat dilaksanakan. Sistem analisa telah digunakan bagi mengenalpasti langkah-langkah pencegahan dan penambbaikan khususnya berkaitan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan.

Tindakan Penambahbaikan: Antara amalan yang dibudayakan oleh FSK dalam memastikan pengukuran, analisa dan pengurusan pembelajaran ini, adalah dengan menambah baik proses kerja dan membangunkan teknologi khusus dalam pengumpulan data-data PdP menerusi inovasi Dashboard@FSK. Perbincangan analisa dapatan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dilakukan bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Hasil dapatan secara kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk terus menilai pencapaian dan sasaran yang ditetapkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM berfokus kepada kesihatan dan kesejahteraan serta sering memberi impak signifikan dalam PdP. FSK mengukur tahap pencapaian melalui pelbagai model pengukuran dan analisis yang menilai pencapaian secara holistik bagi memacu kecemerlangan FSK dan kebolehpasaran global universiti. **Penggunaan inovasi Model Pelan Pengurusan Risiko dan Dashboard@FSK** ini memacu kecemerlangan PdP FSK melalui empat **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach** dan **FSK ClinExpert** yang berpotensi menyumbang kepada realisasi aspirasi UiTM GRU 2025.

Pengukuran melibatkan dua kaedah iaitu individu dan organisasi. Pengukuran pencapaian pelajar diukur menerusi instrumen seperti **penilaian prestasi akademik, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, dan hasil pembelajaran pelajar.** Tambahan pula, faktor penting dalam pengukuran individu termasuklah **peratusan pelajar yang Graduate on Time (GOT) dan peratusan pelajar yang mendapat CGPA lebih daripada 3.0.** **Penilaian SUFO** digunakan untuk mengukur tahap kepuasan pelajar terhadap proses PdP secara berterusan (Bukti 4.2.1). Keberkesanan program kokurikulum pelajar diukur dan dianalisa melalui **Penilaian Keberkesanan Program** (Bukti 4.2.2).

Penilaian berterusan ini membolehkan FSK menyesuaikan strategi PdP mengikut keperluan semasa. Sistem pengurusan pembelajaran dan platform digital digunakan untuk membuat pemantauan dan penilaian data serta maklum balas dari pelajar dan pensyarah melalui **TEX, (SUFO, TESA, PROPENS)** dan **myATP** (Bukti 4.2.3). Melalui pengukuran dan analisa data tersebut, FSK dapat memperbaiki modul pengajaran dan meningkatkan kualiti pembelajaran.

Pengukuran organisasi menggunakan instrumen seperti **laporan pencapaian PI A&A, QS World University Ranking, Happiness Index UiTM, kaji selidik kepuasan pengurusan FSK dan kepuasan pelanggan PRPK** (Bukti 4.2.4). Kecemerlangan BHEA juga dinilai melalui **pelaporan CDL-CQI, Audit Dalam, Audit iQMS dan Akreditasi Badan Profesional seperti MQA, Lembaga Jururawat Malaysia dan Majlis Optik Malaysia** (Bukti 4.2.5). Analisis dilakukan secara berkala untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta peluang untuk penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB02_20241_FSK_PENGUKURAN_ANALISIS_&_PENGURUSAN_PENGETAHUAN_BUKTI_4.2.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB02_20242_FSK_PENGUKURAN_ANALISIS_&_PENGURUSAN_PENGETAHUAN_BUKTI_4.2.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB02_20243_FSK_PENGUKURAN_ANALISIS_&_PENGURUSAN_PENGETAHUAN_BUKTI_4.2.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB02_20244_FSK_PENGUKURAN_ANALISIS_&_PENGURUSAN_PENGETAHUAN_BUKTI_4.2.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB02_20245_FSK_PENGUKURAN_ANALISIS_&_PENGURUSAN_PENGETAHUAN_BUKTI_4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSK mengaplikasikan pendekatan sistematik dalam pengumpulan, analisis, dan penggunaan data untuk menilai serta meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan. Data dikumpulkan secara berkala melalui instrumen digital seperti Dashboard@FSK yang memastikan data dikumpulkan berdasarkan masa nyata. Proses ini merangkumi komponen utama yang menjadi asas kepada peningkatan prestasi FSK dalam PdP.

Data Prestasi Akademik dan Penilaian Pembelajaran merangkumi pencapaian akademik pelajar seperti **kadar kehadiran, hasil penilaian berterusan, Exit-Entrance Survey**, dan **SUFO** yang boleh diakses melalui sistem uFuture (Bukti 4.3.1). Data ini dikumpul dan digunakan untuk mengukur **pencapaian akademik dan kepuasan pelajar** terhadap proses PdP pada **setiap semester**, dan dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan serta kelemahan. Selain itu, terdapat juga **Penilaian Pengajaran Pensyarah**, di mana prestasi dan keberkesanan pengajaran dinilai melalui maklum balas pelajar serta pemerhatian pihak fakulti menggunakan platform **TEX** yang merangkumi data **PROPENS, SUFO dan TESA** (Bukti 4.3.2). Data ini dikumpulkan **setiap semester** dan dianalisis untuk memperbaiki strategi pengajaran agar lebih efektif.

Data Prestasi Organisasi dikumpul melalui sistem **BTU Dashboard & UiSMS UiTM** berdasarkan pencapaian PI yang ditindikkan kepada FSK. Di peringkat fakulti, data pencapaian ini dikumpulkan dan dianalisa melalui **Dashboard@FSK** mengikut **empat sukuan tahunan**.

FSK menggunakan sistem seperti **Prime** untuk mengukur keberkesanan program CSR, USR, dan KTP serta memantau pencapaian penyelidikan melalui penerbitan dan geran. Sistem **NILAMs** dan **VC Tracking** digunakan untuk menilai kerjasama antarabangsa, termasuk MOU/MOA dan mobiliti pelajar serta pensyarah. Mesyuarat PP pula menilai kualiti perkhidmatan klinikal melalui maklum balas pelanggan dan pemantauan kutipan perkhidmatan. Data ini dikumpul secara berkala melalui **Dashboard@FSK** dan dianalisis setiap semester, sukuan, atau tahunan (Bukti 4.3.3).

Penglibatan Global penting bagi FSK dalam meningkatkan keterlibatan di peringkat antarabangsa. Data mengenai pertukaran pelajar dan pensyarah, kerjasama penyelidikan, serta penyertaan dalam persidangan dianalisis setiap tahun melalui inisiatif FSK Goes Global untuk mengukur tahap globalisasi dan mengenal pasti peluang kolaborasi. **Data Impak Sosial dan Khidmat Komuniti** meliputi aktiviti **khidmat masyarakat, projek komuniti, dan sukarelawan** yang dianjurkan oleh FSK (Bukti 4.3.4). Data ini dikumpul dan dianalisis setiap tahun untuk menilai impak sosial dan manfaat kepada komuniti. Data Perkhidmatan Klinikal dan Kepakaran Kesihatan menilai kualiti perkhidmatan klinikal di bawah inisiatif FSK ClinExpert. Data mengenai kepuasan pesakit, keberkesanan rawatan, dan kualiti perkhidmatan dikumpul dan dianalisis untuk memastikan perkhidmatan memenuhi piawaian kesihatan dan kepuasan pelanggan.

Kaedah pengumpulan data FSK termasuk instrumen digital yang memastikan data dikumpulkan secara sistematik dan berterusan. Analisis dilakukan setiap semester untuk data akademik dan suku tahun atau tahunan untuk data lain seperti penglibatan global dan perkhidmatan klinikal. Analisis SWOT digunakan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman dalam setiap aspek yang dinilai. Laporan pencapaian PI (Petunjuk Prestasi) dihasilkan secara suku tahunan dan tahunan untuk menilai keberkesanan strategi. Dengan pendekatan ini, FSK dapat memantau dan meningkatkan prestasi secara menyeluruh, memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan dinilai secara objektif dan penambahbaikan dilakukan segera untuk mengekalkan keberkesanan berterusan. Hasil pemantauan berkala bidang tumpuan tahun semasa digunakan untuk kaji semula pengurusan melalui **Bengkel Pecutan SAP**, bagi penambahbaikan dan pemantauan perbandingan prestasi PI, dan tindakan hasil analisis dikongsi kepada warga jabatan di **Mesyuarat Pusat Pengajian** masing-masing (Bukti 4.3.5).

GENERAL POINT:

1. [F0042_A01_AB03_20241_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB03_20242_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.3.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB03_20243_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB03_20244_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.3.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB03_20245_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil penganalisaan data telah memainkan peranan penting dalam pemantauan dan penambahbaikan prestasi PdP di FSK. Pemantauan pelaksanaan SAP dan pencapaian PI dibincangkan dan direkodkan dalam **mesyuarat di peringkat pusat pengajian dan fakulti** (Bukti 4.4.1a).

Penganalisaan data untuk **pemantauan dan pelaporan holistik** bidang tumpuan telah dilaksanakan melalui kaedah **P.F.U** iaitu pemantauan di peringkat **Pusat pengajian, Fakulti, dan Universiti** (Bukti 4.4.1b). Bagi sasaran PI yang telah tercapai, pihak pengurusan FSK berkongsi amalan terbaik dalaman dengan bahagian lain melalui hebahan di dalam **laman sesawang dan sosial media FSK** (Bukti 4.4.1c). Bagi sasaran PI yang masih belum tercapai, langkah intervensi dicadangkan bagi memastikan sasaran PI dicapai. Data Pelaporan Pencapaian Skor i-UiTM 2023 FSK yang dikeluarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang bertanda araskan Pelan Strategik UiTM 2025 telah dirujuk sebagai indikator penambahbaikan bidang tumpuan.

FSK Excel berfokus pada peningkatan prestasi akademik pelajar FSK. Data yang diperolehi dari pencapaian **6 KPI penilaian akademik** telah dibentang di dalam **Mesyuarat JAF** dan digunakan untuk penambahbaikan prestasi pelajar (Bukti 4.4.1d). FSK Goes Global menumpukan kepada pengembangan jaringan antarabangsa dan kolaborasi global. Data mengenai pertukaran pelajar, kerjasama pengajaran kolaboratif di peringkat luar negara, penyelidikan antarabangsa, dan penyertaan dalam persidangan luar negara dianalisis untuk mengukur tahap keberkesanan pelaksanaan dan globalisasi FSK.

FSK Reach berfokus pada penglibatan komuniti dan impak sosial. Data yang dikumpulkan dari projek komuniti, aktiviti sukarelawan, dan program khidmat masyarakat dianalisis untuk menilai keberkesanan dan jangkauan inisiatif tersebut. FSK ClinExpert menumpukan kepada peningkatan perkhidmatan klinikal dan kepakaran dalam bidang kesihatan. Data dari penilaian kepuasan pesakit, keberkesanan rawatan, dan kualiti perkhidmatan klinikal yang diperolehi dari **Laporan Maklumbalas Pelanggan 2023** dianalisis untuk mengenalpasti bidang yang memerlukan penambahbaikan (Bukti 4.4.1e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB04_AC01_20241_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC01_20242_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC01_20243_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC01_20244_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC01_20245_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.1e.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko dikenalpasti melalui pendekatan sistematik seperti **analisis SWOT** yang dilaksanakan dalam bengkel pecutan, di mana pihak berkepentingan mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman terhadap operasi organisasi (Bukti 4.4.2a). Sebagai contoh, dalam **operasi eRMS**, risiko dikenal pasti melalui pengukuran berterusan dan pengurusan pengetahuan, yang melibatkan dokumentasi serta penyebaran maklumat untuk mencegah kesilapan berulang (Bukti 4.4.2b).

Bagi data pelajar, **risiko seperti ketidakpatuhan dalam mengisi Entrance Exit Survey (EES), kehadiran yang tidak mencukupi, dan capaian internet bagi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dikenalpasti** dan diuruskan dengan memantau indikator prestasi yang relevan (Bukti 4.4.2c). Sementara itu, **risiko berkaitan data staf, seperti ketidakpatuhan dalam mengisi pelaporan DASHBOARD@FSK, PRIME, dan NILAM**, dikenalpasti melalui pemantauan kadar pematuan, yang kemudian diatasi dengan langkah-langkah proaktif seperti latihan tambahan atau sokongan teknikal.

Pengukuran risiko dilakukan dengan **menilai KPI** (Key Performance Indicators) yang dikaitkan dengan prestasi staf dan pelajar, manakala **analisa data digunakan untuk mengenalpasti trend dan potensi risiko** (Bukti 4.4.2d). Pengurusan pengetahuan memastikan maklumat yang relevan disimpan dan disebar dengan berkesan kepada semua pihak yang terlibat, bagi memastikan risiko dapat diminimakan. Melalui pendekatan menyeluruh ini, organisasi dapat mengenalpasti risiko lebih awal dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menguruskannya, dengan tujuan memastikan kelancaran operasi dan pencapaian objektif strategik.

Risiko yang dikenalpasti dipantau secara berkala melalui e-RMS. **Mesyuarat berkala juga diadakan untuk membincangkan status risiko, penilaian pencapaian, dan pengenalpastian risiko baru atau yang sedang berkembang.** Pemantauan ini memastikan langkah-langkah yang diambil adalah efektif dan risiko dapat diurus dengan baik. Komunikasi mengenai risiko dilakukan melalui edaran, memo, dan taklimat oleh Ketua Pusat Pengajian kepada semua staf FSK. Ini memastikan bahawa seluruh organisasi memahami risiko yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkannya.

Dengan pendekatan ini, FSK dapat mengenalpasti, menganalisa, dan mengurus risiko dengan lebih efisien, memastikan kelestarian dan kecemerlangan prestasi organisasi. Isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan risiko Fakulti Sains Kesihatan dibawa ke **Mesyuarat Pengurusan Risiko FSK yang terdiri daripada ahli-ahli dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti.** Bukti isu berkaitan risiko telah dibentangkan oleh Penyelaras Risiko Fakulti telah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor seperti dipaparkan (Bukti 4.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC02_20241_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN BUKTI_4.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC02_20242_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN BUKTI_4.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC02_20243_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN BUKTI_4.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC02_20244_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN BUKTI_4.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC02_20245_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN BUKTI_4.4.2e.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penganalisan data dari FSK telah diuruskan oleh Penyelaras Perancangan Strategik FSK dan dilaporkan menerusi pelaporan Skor i-UiTM di bawah Pelan Strategik UiTM 2025. Menerusi data analisis yang dibekalkan oleh BHEA FSK dan Pelaporan Pencapaian Skor i-UiTM oleh BTU, Penyelaras Perancangan Strategik FSK menanda aras tahap pencapaian dan kualiti sebagai instrumen pengukuran, bagi perbincangan dan tindakan penambahbaikan. Sebarang isu berkenaan pencapaian dan penambahbaikan objektif, kualiti, PI berkaitan bidang tumpuan dibincangkan di dalam **MPE, MPF dan MKSP** (Bukti 4.4.3a). Selain itu, tindakan pembetulan dan pencegahan turut dibincangkan bagi memastikan penambahbaikan PdP yang berkesan dan kepuasan pelanggan dapat dicapai.

Bagi risiko ketidakpatuhan di kalangan pelajar seperti pengisian maklumat EES, FSK menjalankan usaha peningkatan prestasi dengan melaksanakan pembetulan dan tindakan pencegahan berdasarkan setiap dapatan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Pusat Pengajian melalui pembentangan pelaporan CDL-CQI** (Bukti 4.4.3b). Pembentangan dapatan dalam mesyuarat bertujuan untuk mengesahkan tindakan yang perlu diambil agar selaras dengan keperluan pengurusan kualiti. Untuk mengurus risiko yang didaftarkan berkaitan dengan PdP, contohnya **ketidakpatuhan pengisian EES** di kalangan pelajar, punca ketidakpatuhan telah dikenalpasti dan pelan pencegahan melalui semakan semula soalan EES dan **peringatan berkala** (Bukti 4.4.3c) telah dilaksanakan dan **hasil dari penambahbaikan yang telah dilakukan, skor EES di kalangan pelajar telah menunjukkan perubahan yang positif** (Bukti 4.4.3d). Sementara itu, risiko berkaitan data staf, seperti ketidakpatuhan dalam mengisi penilaian pengajaran seperti **TESA**, tindakan penambahbaikan telah di ambil melalui **hebahan peringatan** kepada semua staf akademik (Bukti 4.4.3e).

Selaras dengan bidang tumpuan, hasil tindakan terhadap penambahbaikan telah meningkatkan prestasi FSK dengan kejayaan pelaksanaan program berimpak tinggi (lawatan penanda aras ke FSK) di peringkat antarabangsa seperti SAN PEDRO, TIMOR LESTE, UNSIKA. Implikasi tindakan pengukuran dan penganalisan yang sistematik dan efisien dalam bidang tumpuan seterusnya telah membawa kepada kelestarian kecemerlangan gemilang FSK. Kecemerlangan gemilang FSK ini dapat dilihat menerusi Anugerah Kecemerlangan Pencapaian Skor i-UiTM 6 Bintang (pencapaian melebihi 90% pada tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2021, 2022 dan 2023).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC03_20241_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC03_20242_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC03_20243_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC03_20244_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC03_20245_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.4.3e.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan disiplin dalam pelaksanaan perancangan, dipandu oleh pemantauan risiko secara proaktif dan keberkesanan tindakan strategik, menjadi asas yang kukuh untuk kecemerlangan dalam bidang tumpuan FSK. Keberkesanan tindakan strategik adalah elemen penting yang menjamin pencapaian matlamat yang ditetapkan, seterusnya menyumbang kepada pencapaian objektif jangka panjang fakulti. Untuk menyokong inisiatif ini, FSK telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan dalam proses kerja dan inovasi. Ini termasuk usaha untuk mengintegrasikan pendekatan yang lebih sistematik dalam pengurusan proses dan data, yang seterusnya membantu dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan berasaskan bukti melalui **amalan pembudayaan melalui pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan** (Bukti 4.5.1).

Salah satu inovasi yang paling ketara yang diperkenalkan oleh FSK adalah "**Dashboard@FSK**" dan **Model Pelan Pengurusan Risiko** (Bukti 4.5.2; Bukti 4.5.3). Inovasi ini direka khusus untuk mengukur, menganalisis risiko, dan memantau pelbagai aktiviti PdP di FSK. Dashboard ini berfungsi sebagai alat pengurusan yang memberi pandangan menyeluruh mengenai prestasi PdP, membolehkan pihak pengurusan fakulti untuk mengenal pasti dengan cepat bidang-bidang yang memerlukan perhatian atau penambahbaikan. Dengan penggunaan Dashboard ini, FSK dapat memastikan bahawa setiap aktiviti PdP berada pada landasan yang betul untuk mencapai kecemerlangan yang ditetapkan. Inovasi dan penambahbaikan ini adalah hasil daripada dedikasi dan komitmen yang tinggi oleh ahli-ahli FSK, termasuk pengurusan tertinggi fakulti, pusat pengajian, staf akademik, dan staf sokongan. Kejayaan ini menunjukkan betapa pentingnya kerjasama dan komitmen kolektif dalam mencapai matlamat bersama.

Selain itu, FSK juga memperkenalkan inisiatif seperti "**FSK Commit Towards GRU**" dan konsep "**F.A.S.T**" yang menjadi sebahagian daripada budaya kerja di fakulti. Konsep "F.A.S.T" (Focus, Action, Speed, Trust) ini, yang diintegrasikan ke dalam budaya kerja harian, membantu mempercepatkan proses tindakan dan membuat keputusan, sekaligus mempertingkatkan kecekapan keseluruhan operasi fakulti (Bukti 4.5.4).

FSK komited untuk memastikan bahawa hasil daripada analisis dan inovasi ini menjadi amalan yang tertanam dan sebahagian daripada budaya kerja fakulti. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, FSK berusaha untuk melibatkan bukan sahaja staf akademik tetapi juga staf sokongan dalam semua inisiatif penambahbaikan. Ini dilakukan dengan harapan bahawa penglibatan menyeluruh ini akan mengukuhkan lagi bidang PdP di fakulti, serta memastikan bahawa penambahbaikan yang diperkenalkan dapat dipraktikkan dengan berkesan dalam jangka panjang. Untuk mengekalkan momentum penambahbaikan berterusan, FSK mengadakan aktiviti pengurusan pengetahuan secara berkala dengan ahli-ahli fakulti. Aktiviti-aktiviti ini termasuk sesi perkongsian mengenai **Indikator Prestasi (PI), bengkel pembangunan kandungan e-pembelajaran, geran penyelidikan, kolokium pelajar, hari kerjaya dan pertukaran pelajar bersama universiti luar negara** (Bukti 4.5.5). Melalui aktiviti ini, FSK bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan dinamik untuk kecemerlangan PdP. Kegiatan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf, tetapi juga memastikan bahawa pengetahuan yang diperoleh dapat disebarkan secara meluas dan diaplikasikan dalam konteks PdP.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB05_20241_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.5.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB05_20242_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.5.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB05_20243_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI_4.5.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB05_20244_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN](#)

[PENGETAHUAN_BUKTI_4.5.4.pdf](#)

5. [F0042_A01_AB05_20245_FSK_PENGUKURAN, ANALISIS & PENGURUSAN
PENGETAHUAN_BUKTI_4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSK telah menunjukkan keberkesanan dalam memantapkan pengurusan sumber manusia secara komprehensif. Tenaga kerja FSK yang menyokong aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) terdiri daripada barisan akademik, personel pentadbiran, dan anggota sokongan. Sinergi ketiga-tiga elemen ini telah memperkukuh pentadbiran dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan akademik. Untuk merealisasikan kecemerlangan PdP, FSK mengimplementasikan strategi bersepadu dalam pengurusan modal insan, merangkumi fasa perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) yang telah giat dilaksanakan, memastikan kemajuan berterusan dalam operasi institusi.

Perancangan: FSK dalam pengurusan sumber manusia bagi bidang tumpuan PdP telah dirangka secara holistik dan berfokus. Strategi ini bertujuan untuk mencapai sasaran pelan strategik universiti, iaitu Globally Marketable 2023, seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik FSK 2023. Pendekatan ini merangkumi empat teras strategik utama: FSK Excel, yang memfokus pada pemantapan kurikulum dan peningkatan kepakaran staf; FSK Goes Global, yang memperkasa pengantarabangsaan melalui kerjasama dengan institusi luar negara; FSK Reach, yang menggalakkan kolaborasi dengan komuniti, industri, dan alumni untuk memantapkan kualiti kurikulum; dan FSK ClinExpert, yang memanfaatkan kepakaran klinikal staf untuk menyokong PdP. FSK juga telah merancang sistem penghargaan yang komprehensif, termasuk Anugerah Kualiti FSK dan pengiktirafan pelbagai pencapaian staf, untuk meningkatkan motivasi dan Happiness Index warga kerjanya.

Pelaksanaan: FSK telah mengoptimumkan sumber manusianya dalam bidang tumpuan PdP selaras dengan Pelan Strategik UiTM2025. Fokus utama adalah menghasilkan staf bertaraf dunia, berkepakaran, dan berkemahiran tinggi. Pelaksanaan strategi ini didasarkan pada empat teras utama: FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert, yang masing-masing memantapkan kurikulum, meningkatkan penglibatan antarabangsa, melaksanakan program pengkayaan komuniti, dan menumpukan pada pendidikan masyarakat. Melalui inisiatif-inisiatif ini, FSK berjaya meningkatkan visibiliti dan kredibilitinya, serta memperkukuh kedudukannya dalam landskap pendidikan tinggi tempatan dan global.

Pemantauan: FSK telah melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap pengurusan sumber manusianya. Soal selidik berkala dijalankan untuk mengukur kepuasan staf dan keselarasan dengan polisi UiTM. Hasilnya menunjukkan pencapaian positif dalam aspek penglibatan staf dalam membuat keputusan, kualiti infrastruktur PdP, dan keberkesanan program pembangunan kerjaya. FSK juga melaksanakan pengurusan risiko sistematik, mengenal pasti cabaran seperti isu infrastruktur, nisbah staf klinikal-pelajar, dan keperluan pengembangan kompetensi staf. Langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan telah diambil berdasarkan hasil pemantauan ini, mencerminkan komitmen FSK dalam memastikan kualiti berterusan dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan tingginya.

Tindakan Penambahbaikan: FSK telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik untuk meningkatkan keberkesanan operasinya. FSK mengoptimalkan pengurusan sumber manusia melalui perlantikan staf kontrak dan program pembangunan profesional. Kolaborasi industri dan sokongan penyelidikan diperkuat untuk meningkatkan kepakaran staf. Inovasi dalam pengajaran dilakukan melalui MOOC dan microcredentials, serta perkongsian kepakaran di media. Pengantarabangsaan ditingkatkan dengan pembentukan jawatankuasa khusus dan insentif untuk aktiviti antarabangsa. FSK juga memberi pengiktirafan kepada pencapaian staf melalui anugerah tahunan dan pengiktirafan di media sosial. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan meningkatkan kualiti akademik, selaras dengan sasaran prestasi UiTM dan aspirasi global.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSK berkeyakinan bahawa, bagi mencapai sasaran **Pelan Strategik UiTM 2025**, tumpuan yang holistik dan berfokus terhadap sumber manusia adalah amat penting seperti yang dilaksanakan melalui **Pelan Tindakan Strategik FSK 2023**, subset kepada **Perancangan Strategik Jangka Panjang 2020-2025 FSK**. Pendekatan dalam pengurusan sumber manusia FSK bagi bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah terangkum dalam empat **Teras Strategik Akademik FSK** iaitu **FSK Excel**, **FSK Goes Global**, **FSK Reach**, dan **FSK ClinExpert**.

Berpaksikan teras **FSK Excel**, FSK komited memastikan kepakaran dan kemahiran di kalangan staf sentiasa berkembang dengan meneladani **pembelajaran berterusan** bagi menjamin kualiti bidang tumpuan PdP. Bagi pensyarah, mereka didorong untuk melanjutkan pembelajaran ke **peringkat pengajian Doktor Falsafah** bagi memenuhi keperluan kepakaran khusus dalam bidang PdP. Hasilnya, seramai **67 orang pensyarah telah mencapai kelayakan Doktor Falsafah bagi tahun 2023 berbanding 58 orang pada tahun sebelumnya**. Pensyarah dan staf pentadbiran/klinikal juga diberikan **peruntukan kewangan** untuk menghadiri latihan, bengkel, atau konferensi bagi meningkatkan kepakaran dan kompetensi kemahiran melalui pelaksanaan **Dasar Tadbir Urus Latihan FSK 2023** (Bukti 5.2.1).

Bagi memperkasa **FSK Goes Global** bidang tumpuan PdP FSK dalam mencapai **Kecemerlangan Global UiTM2025**, FSK telah membentuk **Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK** yang diketuai oleh seorang penyelaras dan dibantu dianggotai oleh wakil dari setiap pusat pengajian. Jawatankuasa Pengantarabangsaan FSK telah bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang berfokus untuk meningkatkan capaian global dan hasilnya beberapa **MOU/MOA telah ditandatangani** bersama rakan strategik dari universiti luar negara sebagai satu pendekatan untuk melaksanakan **program Inbound-Outbound** bagi pelajar dan staf FSK (Bukti 5.2.2).

Bagi menjayakan **FSK Reach** dalam bidang tumpuan PdP, FSK telah menggembeng kepakaran pensyarah dan alumninya secara bersama bagi memantapkan kualiti kurikulum melalui **Mesyuarat Semakan Kurikulum** di peringkat jabatan. Pelantikan telah melibatkan **alumni jabatan** dari beberapa cabang industri dalam bidang sains kesihatan. Maklum balas dari alumni UiTM dimanfaatkan bagi memastikan kualiti serta penyampaian kurikulum adalah memenuhi kehendak semasa dan meningkatkan kebolehpasaran graduan (Bukti 5.2.3).

Melalui teras **FSK ClinExpert**, FSK telah memanfaatkan kepakaran dan kemahiran klinikal staf di **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinik (PRPK)** bagi mendukung bidang tumpuan PdP. **Pusat Fisioterapi UiTM** sebagai contohnya dijadikan salah satu penempatan klinikal pelajar akhir tahun dan melibatkan **pemantauan dan penilaian secara terus** oleh staf klinikal dan pensyarah. Pada masa yang sama, staf pentadbiran/klinikal digalakkan menghadiri **latihan sangkutan di beberapa fasiliti berkepakaran** bagi meningkatkan pengetahuan dan mengemaskini kemahiran klinikal yang secara tidak langsung menjayakan pelaksanaan bidang tumpuan PdP di PRPK (Bukti 5.2.4).

Malahan, pendekatan yang digunakan oleh FSK dengan mengiktiraf pencapaian staf dan menganjurkan **Hari Keluarga FSK** bagi meraikan sumbangan terhadap fakulti telah memastikan **Indeks Kegembiraan** stafnya berada pada sekitar 70% (Bukti 5.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSK komited dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan PdP sejajar dengan sasaran **Pelan Strategik UiTM2025** untuk menghasilkan staf FSK yang **bertaraf dunia, berkepakaran, dan berkemahiran** yang didokong oleh sistem sokongan kerja yang cemerlang. Bagi memastikan kelancaran tindakan perluasan, FSK secara konsisten **mengemaskini pengkalan data fakulti** yang dilaksanakan bagi mengenalpasti kelayakan, kepakaran, dan pengalaman setiap staf FSK bagi menghasilkan **profil pensyarah** untuk diwar-warkan (Bukti 5.3.1). Ianya merupakan langkah penting dalam memastikan proses koordinasi staf FSK, yang berkekuatan seramai 256 orang (127 pensyarah dan 129 staf pentadbiran/klinikal), lebih berfokus mengikut teras **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach**, dan **FSK ClinExpert**.

Berpaksikan teras **FSK Excel** ini, kepakaran dan kemahiran pensyarah digandingkan secara berpasukan dengan menghasilkan beberapa produk inovasi hasil sebahagian dari bidang tumpuan PdP seperti **inovasi produk pembelajaran** termasuklah **OER, modul MOOC dan MC** dalam platform UFuture yang telah berjaya memenangi beberapa pencapaian seperti di **e-ConDev 2023**. Pengurusan FSK turut memperkasa penyampaian bidang tumpuan PdP bagi pensyarah melalui **perkongsian kepakaran dan pengalaman** dalam aktiviti yang berkait dengan bidang tumpuan PdP seperti penyelidikan (Bukti 5.3.2).

Proses menjayakan **FSK Goes Global** bidang tumpuan PdP di FSK telah memperlihatkan capaian prestasi dan penglibatan staf sehingga ke **peringkat antarabangsa**. Beberapa pensyarah FSK telah dilantik sebagai ahli **Jawatankuasa Perancangan Akademik** bagi melancarkan tadbir urus pengantarabangsaan seperti **pembentukan program franchais di Qaiwan International University, Iraq**. Pengurusan FSK juga memastikan penyertaan staf di **konferen peringkat antarabangsa** dan pelantikan sebagai **Adjunct dan Visiting Professor di universiti serantau dan luar negara** (Bukti 5.3.3).

Melalui teras **FSK Reach**, FSK telah menjayakan bidang tumpuan PdP dengan melaksanakan program-program yang menumpukan kepada pengkayaan komuniti. Bagi **komuniti profesional**, beberapa program berformatkan **bengkel, seminar, webinar, dan konferen** telah dilaksanakan bagi memacu proses perpindahan ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada ahli profesional dalam industri sains kesihatan. Kaedah perluasan ini telah mengetengahkan staf FSK yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang masing-masing bagi meningkatkan kualiti profesion yang berkaitan di dalam negara. Malahan, sebahagian **program perluasan ini turut melibatkan ahli akademik dan profesional dari luar negara yang sekaligus meningkatkan kredibiliti dan visibiliti FSK** serta membuka ruang kerjasama di antara **FSK dan fakulti luar negara** (Bukti 5.3.4).

Melalui teras **FSK ClinExpert**, FSK turut memberi tumpuan kepada proses **pendidikan masyarakat awam** terutamanya di sekitar Kampus Puncak Alam melalui pelaksanaan **program berbentuk bual bicara melalui siaran radio, bengkel, dan konsultasi**. Dengan memanfaatkan platform seperti KTP, CSR, dan SULAM, staf FSK yang berkepakaran dan berkemahiran dalam bidang PdP secara akademik dan klinikal telah diketengahkan untuk berperanan di dalam komuniti sekitar. Malahan, staf FSK juga digalakkan untuk menghasilkan **penulisan berkaitan bidang kepakaran masing-masing** untuk diterbitkan dalam **akhbar, majalah tempatan, dan perkongsian platform antarabangsa** bagi meningkatkan lagi capaian pengaruh kepada masyarakat awam. Ini adalah bertujuan meningkatkan visibiliti warga kerja FSK yang berkepakaran dan sekaligus meletakkan mereka di kalangan **pakar rujuk** bagi bidang masing-masing (Bukti 5.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.1.pdf](#)

2. [F0042_S01_SB03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK mengamalkan pendekatan inklusif dalam pengurusan dengan menyediakan **pelbagai saluran untuk penglibatan warganya dalam proses membuat keputusan**. Ini termasuk mesyuarat berkala, sistem maklum balas dalam talian, dan sesi dialog terbuka. FSK secara berkala menjalankan **soal selidik komprehensif** untuk menilai dan menambah baik kaedah, pendekatan, dan sistem pengurusannya. Soal selidik ini direka khusus untuk memastikan keselarasan dengan polisi, peraturan, dan garis panduan yang ditetapkan oleh UiTM, sambil mengukur tahap kepuasan hati sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja semasa. Melalui maklum balas yang diterima, FSK dapat mengenal pasti aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan. **Soal selidik kepuasan staf** menunjukkan keberkesanan inisiatif FSK. **88.1% responden bersetuju mereka diberi peluang mencukupi untuk menyumbang**. Peratusan tinggi ini mencerminkan kepuasan baik, mewujudkan ketelusan dan meningkatkan rasa pemilikan warga FSK terhadap matlamat fakulti (Bukti 5.4.1a).

FSK mengutamakan penyediaan infrastruktur cemerlang untuk aktiviti PdP. Ini meliputi pemodenan kemudahan fizikal dan teknologi terkini, termasuk penambahbaikan bilik kuliah, makmal, ruang pembelajaran kolaboratif, dan sistem pembelajaran dalam talian. Akses mudah kepada sumber digital dan pangkalan data akademik disediakan untuk menyokong penyelidikan. FSK menjalankan **pemantauan dan penyelenggaraan berkala berdasarkan maklum balas pelajar dan staf**. Keberkesanan usaha ini terbukti melalui soal selidik kepuasan, di mana **71.2% responden menilai prestasi infrastruktur sebagai baik dan cemerlang**, menunjukkan komitmen FSK dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif (Bukti 5.4.1b dan 5.4.1c).

Dalam aspek pembangunan kerjaya, FSK menyediakan panduan, dorongan, dan platform untuk meningkatkan potensi diri warga fakulti. Ini merangkumi peluang peningkatan kompetensi melalui pelbagai latihan, sokongan kenaikan pangkat, dan peningkatan kesedaran melalui cuti belajar dan biasiswa. **Peratusan staf yang menghadiri kursus mencapai kadar penyertaan 94%**, mencerminkan komitmen kukuh terhadap pembelajaran sepanjang hayat (Bukti 5.4.1d). Keberkesanan inisiatif ini dibuktikan melalui **soal selidik kepuasan**, di mana **88.1% responden bersetuju bahawa usaha FSK dalam aspek ini adalah baik dan cemerlang**, menunjukkan penghargaan tinggi warga fakulti terhadap peluang pembangunan profesional yang disediakan (Bukti 5.4.1e).

Melalui pendekatan holistik ini, FSK bukan sahaja berjaya meningkatkan kecekapan individu, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kualiti keseluruhan pengajaran, penyelidikan, dan perkhidmatan yang ditawarkan, seterusnya membawa warga FSK ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam arena pendidikan tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB04_SC01_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC01_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC01_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC01_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC01_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.1e.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSK berusaha mengenalpasti risiko yang dihadapi oleh pensyarah dan staf bukan akademik bagi mencegah kegagalan mencapai PI A&A FSK. **Setiap risiko yang berjaya dikenalpasti akan dibentangkan dan dianalisa** melalui Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK bagi menyusun strategi pencegahan risiko yang bersesuaian. Pelaporan penilaian risiko dibentangkan kepada mesyuarat peringkat fakulti secara berkala sebanyak 3 kali setahun (Bukti 5.4.2a).

Beberapa **risiko kekurangan infrastruktur** telah dinilai pada tahap sederhana dan tinggi kerana melibatkan **impak terhadap kesejahteraan staf dan menghalang produktiviti staf** dalam melaksanakan tugas dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Risiko-risiko tersebut telah didaftarkan untuk diambil tindakan oleh pihak terlibat:

Isu **lif yang seringkali rosak dan tidak berfungsi** dengan baik di Bangunan FSK 6, Bangunan FSK 2,3,4 dan Bangunan FSK 1,5. Risiko ini didaftarkan dalam sistem e-RMS dan telah diambil tindakan oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM Puncak Alam (Bukti 5.4.2b).

Risiko **pendedahan staf FSK terhadap bahan kimia** berbahaya dan kulat di dinding bangunan makmal/pejabat (Bukti 5.4.2c).

Ketiadaan **kemudahan infrastruktur bagi kemudahan staf kelainan upaya** seperti tempat letak kereta dan laluan khas OKU (Bukti 5.4.2c).

Selain risiko yang didaftarkan, risiko pengurusan sumber manusia yang dikenalpasti adalah **komposisi staf klinikal kepada pelajar** yang tidak mencapai sasaran boleh menjejaskan tumpuan FSK ClinExpert. Sasaran nisbah staf klinikal kepada pelajar 1:6 harus dicapai FSK mengikut keperluan standard program bagi latihan klinikal pelajar (Bukti 5.4.2d). Risiko waran yang terhad bagi jawatan tetap staf klinikal akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan PdP dan klinikal terhadap pelanggan FSK. Selain itu, **kekurangan bilangan pensyarah dengan gred jawatan DM52 ke atas** juga merupakan salah satu risiko yang dikenalpasti. FSK telah menasaskan seramai 25 orang pensyarah berpangkat DM54 menjelang 2029.

Kepakaran yang terhad atau penyampaian PdP di luar skop kepakaran pensyarah, serta **pengetahuan dan kemahiran staf yang tidak berkembang** terutamanya bagi staf yang sudah lama di dalam perkhidmatan dikenalpasti sebagai risiko kompetensi yang boleh menjejaskan aspek Teras Strategik Akademik FSK seperti pemantapan kurikulum (FSK Excel), pengantarabangsa (FSK Goes Global) dan perkhidmatan klinikal (FSK ClinExpert). Langkah pencegahan telah diambil oleh FSK dengan melaksanakan pengajaran kolaboratif serta menggalakkan pensyarah dan staf klinikal/makmal menghadiri latihan sangkutan di fasiliti berkepakaran luar kampus (Bukti 5.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.2e.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan perancangan halatuju HEA FSK dan menjayakan sasaran petunjuk prestasi utama UiTM. Berdasarkan hasil pemantauan dan penganalisaan risiko pengurusan sumber manusia, FSK telah mengambil beberapa tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif dan kepuasan staf FSK.

FSK cekap dalam mengurus sumber manusia yang terhad melalui **Pemeriksaan Staf Skim U dan C**. Langkah optimistik diambil oleh FSK dengan membuat **pelantikan baharu atau semula bagi jawatan staf klinikal secara kontrak dan sambilan** bagi mengurangkan beban kerja staf klinikal tetap sedia ada. Usaha berterusan untuk mendapatkan waran jawatan tetap juga dilakukan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan akademik dan klinikal kepada pelanggan utama FSK berada pada tahap yang optimum (Bukti 5.4.3a).

Bagi memastikan staf sentiasa terkehadapan dan berprestasi global, FSK proaktif dalam **memperkasa kepakaran warga kerja khususnya pensyarah** dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan berikut:

Program Pembangunan Profesional Terstruktur: FSK telah melancarkan program mentor-mentee untuk pensyarah baharu dan menyediakan peruntukan dana khusus untuk pembangunan profesional bagi semua kategori staf (Bukti 5.4.3b). Seminar dan bengkel kompetensi staf dianjurkan secara berkala oleh FSK untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf (Bukti 5.4.3c).

Peningkatan Kolaborasi Industri-Akademik: FSK telah membentuk kerjasama strategik dengan industri dan memperkenalkan program sangkutan klinikal/industri untuk pensyarah dan staf bukan akademik. Program latihan dan sangkutan industri membolehkan staf mengemaskini pengetahuan dan kemahiran praktikal mereka untuk memastikan PdP yang relevan dan terkini dengan amalan industri (Bukti 5.4.3d).

Sokongan untuk Pengajian Lanjutan dan Kenaikan Pangkat: FSK terus menggalakkan dan menyokong pensyarah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD. Bagi menangani kekurangan staf gred DM52 ke atas, FSK telah menganjurkan taklimat kenaikan pangkat dan memberi bantuan khidmat nasihat berterusan (Bukti 5.4.3e).

Bagi memastikan persekitaran kerja yang kondusif, FSK sentiasa cakna dengan setiap maklum balas dan aduan daripada staf. Aduan berkaitan infrastruktur yang kurang baik seperti masalah lif, jangkitan kulat dan WiFi telah **dilaporkan segera dan permohonan tindakan** dibuat kepada pihak Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM Puncak Alam.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, FSK bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif, merangsang inovasi dalam pengajaran dan penyelidikan, serta meningkatkan kepuasan dan produktiviti staf secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.4.3d.pdf](#)

5. [F0042_S01_SB04_SC03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI_5.4.3e.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSK telah berjaya mewujudkan dan menggalakkan amalan dan pembudayaan aspirasi bidang tumpuan berteraskan PdP. Beberapa tindakan penambahbaikan dan **inovasi** dijayakan oleh pengurusan FSK bahkan, amalan dan pembudayaannya turut **diintegrasikan ke luar UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.**

Melalui inisiatif FSK ClinExpert, bagi memastikan sasaran komposisi dan kepakaran staf klinikal kekal lestari, FSK melaksanakan strategi pemerksaan peranan secara holistik dan kreatif melalui **pelantikan jawatan Clinical Instructor dan Local Preceptor secara kontrak atau sambilan, pendedahan staf klinikal ditindikkan kepada penghasilan penerbitan dan perkongsian kepakaran di media massa/media sosial**, serta menjalankan program yang boleh menjana pendapatan kepada pusat pengajian dan fakulti amnya (Bukti 5.5.1).

Melalui inisiatif FSK Excel dan FSK Reach, **pensyarah FSK kompeten dan kreatif** dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan akademik melalui inovasi pengajaran seperti **MOOC, OER dan Microcredentials** bagi memastikan proses PdP mendapat kebolehcapaian yang lebih meluas dan terbuka (Bukti 5.5.2). Penambahbaikan pengetahuan dan kemahiran pensyarah melalui latihan industri/klinikal diterjemahkan kepada **amalan perkongsian kepakaran pensyarah FSK** dalam bidang mereka di stesen radio/TV dan penerbitan artikel di media cetak yang turut dapat dimanfaatkan kepada masyarakat umum (Bukti 5.5.2).

Melalui inisiatif teras FSK Goes Global, penyediaan insentif latihan dan penerbitan dapat **merencanakan aktiviti pembentangan kertas penyelidikan di persidangan antarabangsa**, serta **meningkatkan kolaborasi penulisan dan penerbitan berimpak bersama penyelidik antarabangsa** dalam kalangan pensyarah. Selain itu, penerbitan Buku Penyelidikan FSK (Healthscope) secara berkala juga dapat **menggalakkan amalan penulisan dan penerbitan** bagi warga FSK (Bukti 5.5.3).

FSK prihatin akan setiap sumbangan dan jasa warga FSK yang membantu meningkatkan prestasi FSK dalam bidang tumpuan dengan memberikan **penghargaan dan pengiktirafan** kepada sumber manusia. Penganjuran acara tahunan, Majlis Anugerah Kualiti FSK 2023 (MAK 2023) sebagai **inisiatif menzahirkan penghargaan, ganjaran dan motivasi** terhadap warga FSK yang telah menunjukkan pembudayaan yang cemerlang dalam bidang tumpuan melalui beberapa anugerah HEA yang dipertandingkan seperti Tokoh Akademik, Pengajaran Terbaik, dan Ahli Akademik Harapan. FSK juga **menghargai sumbangan staf** dalam setiap gerak kerja melalui **surat penghargaan** dan turut **mengiktiraf setiap pencapaian** staf FSK seperti kenaikan pangkat, perolehan geran, penganugerahan Doktor Falsafah, dan penganugerahan pingat di pertandingan inovasi melalui **hebahan poster pengiktirafan dan penghargaan** di media sosial FSK (Bukti 5.5.4).

Kecemerlangan pengurusan sumber manusia yang telah dilakukan oleh FSK melalui inovasi empat Teras Strategik Akademik telah meletakkan FSK di kedudukan keempat dalam **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023 (AKPU 2023) bagi Pillar 3 & 4 iaitu Turning Globally Marketable Staff & Excellent Supporting Staff** (Bukti 5.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB05_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.5.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB05_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.5.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB05_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.5.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB05_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.5.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB05_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA_BUKTI 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi merealisasikan agenda UiTM sebagai universiti bertaraf dunia (GRU2025) dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan melalui Pelan Strategik UiTM, tumpuan kepada operasi diperkuatkan sebagai usaha FSK untuk mencapai kecemerlangan akademik, penyelidikan, dan inovasi, serta meningkatkan daya saing di peringkat global.

Perancangan: Dalam merangka operasi sistem kerja FSK yang bersistematik, penggunaan model PDCA digunapakai yang membantu FSK dalam melakarkan perancangan melalui strategi memartabatkan kualiti sistem pendidikan, pemantapan PdP melalui aktiviti pengantarabangsaan, pemerkasaan PdP melalui kolaborasi komuniti, industri & alumni dan, pengukuhan latihan & perkhidmatan klinikal bagi mendukung proses PdP.

Pelaksanaan: Justeru itu, empat Teras Strategik Akademik FSK diwujudkan bagi pelaksanaan strategi iaitu FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach & FSK ClinExpert di mana, ia didukung oleh beberapa Jawatankuasa di bawah Bahagian HEA.

Pemantauan: Tindakan pemantauan dilakukan melalui mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Jawatankuasa Akademik Fakulti, sistem yang berkenaan seperti SMART, PRIME dan NILAMs, laporan berkala, kajian kepuasan staf dan pelajar serta audit dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan dan standard yang ditetapkan serta proses PdP berjalan lancar, relevan, dan berkualiti tinggi selaras dengan visi dan misi fakulti serta universiti.

Tindakan Penambahbaikan: Bagi tindakan penambahbaikan, ia diterajui oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK, di mana melalui risiko yang telah dikenalpasti, langkah-langkah penambahbaikan akan dijalankan mengikut teras akademik berkenaan. Antaranya, melalui kerjasama strategik dan berjangka panjang bersama industri, badan kerajaan dan bukan kerajaan serta inovasi sistem pengurusan rekod kewangan bagi pengurusan Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Slogan UiTM Unleashing Potentials, Shaping the Future menjadi aspirasi BHEA FSK untuk melahirkan **pelajar dan graduan yang holistik, relevan serta bersedia menghadapi rintangan** di masa hadapan. Bagi memenuhi objektif tersebut, **tumpuan operasi BHEA dirancang dan dilaksanakan dengan berpaksikan empat Teras Strategik Akademik FSK.**

FSK Excel

Faktor utama kemenjadian pelajar terletak pada kemantapan serta kelestarian kurikulumnya. Maka bagi memastikan program akademik di FSK memenuhi standard kualiti yang tinggi, **semakan dan pengemaskinian kurikulum telah dilaksanakan secara berkala** serta melibatkan pelbagai pihak termasuk pakar bidang, majikan dan alumni (Bukti 6.2.1). Pengoperasian semakan kurikulum telah dimudahkan dengan wujudnya **inovasi kit Semakan Kurikulum**. Bagi menjamin program yang ditawarkan memenuhi standard program serta keperluan industri, FSK memastikan bahawa programnya **diakreditasi oleh badan akreditasi tempatan dan antarabangsa**. Bagi menjamin kualiti PdP seiring dengan perkembangan teknologi, pelaksanaan kurikulum yang lestari telah didukung oleh penggunaan **platform e-pembelajaran** seperti pembelajaran teradun, pengajaran kolaboratif (CGCT), Microcredential (MC) dan MOOC (Bukti 6.2.2). Operasi pemerkasaan PdP turut diperluaskan kepada peningkatan keserjanaan pensyarah ke arah menghasilkan pensyarah yang kompeten serta bertaraf dunia melalui pengiktirafan kepakaran pensyarah di peringkat nasional & antarabangsa, menghadiri **kursus dan bengkel serta pemberian insentif penerbitan untuk menghadiri/membentang di konferens akademik tempatan dan antarabangsa**. Kecemerlangan operasi PdP diukur melalui **penilaian dan pentaksiran pelajar yang telah dilaksanakan secara formative dan summative** bagi menilai pencapaian pelajar secara holistik.

FSK Goes Global

PdP dimantapkan melalui pengantarabangsaan dengan jaringan MoU, MoA, inovasi Summer Camp dan SULAM antarabangsa. Pendekatan untuk memeterai **perjanjian MoU dan MoA** dibuat melalui rundingan dengan universiti dan syarikat tempatan/antarabangsa dan didaftar di sistem NILAMs. FSK mempunyai 17 jaringan MoU yang aktif, antaranya 'academic partnership' bersama Teesside University. Selain itu, dengan penglibatan pemain industri antarabangsa melalui **CGCT**, ia membantu memantapkan lagi proses PdP melalui suntikan pengalaman dan peningkatan pengetahuan dan teknologi terkini. Justeru itu, **inovasi kit CGCT diperkenalkan**. **Mobiliti pelajar dan staf** juga merupakan agenda bagi memantapkan PdP melalui inbound dan outbound dengan menggalakkan aktiviti pengantarabangsaan bagi memperkayakan proses PdP (Bukti 6.2.3).

FSK Reach

Pemerkasaan PdP FSK turut dilakukan melalui pembentukan jaringan yang berkesan bersama Komuniti, Industri, dan Alumni. Program SULAM, USR/CSR dan KTP telah membuka ruang untuk pelajar didedahkan dengan 'real-life experience' apabila melakukan **aktiviti bersama komuniti dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada komuniti** sejajar dengan SDG Matlamat Pembangunan Lestari. Pelbagai program komuniti dengan **kolaborasi bersama pemain industri** dan **alumni** telah dijalankan bagi meningkatkan kualiti PdP dan mengukuhkan jaringan antara FSK, pelajar, komuniti, alumni dan industri, menjadikan FSK lebih dinamik dan responsif terhadap keperluan masyarakat (Bukti 6.2.4). Alumni FSK juga turut terlibat secara langsung bagi pemantapan dan pengukuhan kualiti PdP melalui **perkongsian kepakaran** semasa sesi pengajaran kolaboratif dan semakan kurikulum.

FSK ClinExpert

Melalui FSK ClinExpert, staf dan pelajar diberi pendedahan kepada pengalaman sebenar melalui **latihan klinikal dan industri** serta perkhidmatan kepada komuniti setempat bagi

meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan latihan secara langsung oleh FSK. Semua perkara telah diperkasakan melalui **penyediaan perkhidmatan kesihatan oleh lima entiti di bawah PRPK**. Perkhidmatan klinikal yang ditawarkan telah memberikan suntikan kewangan dalam mendukung proses dan aktiviti PdP di FSK (Bukti 6.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.2.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.2.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.2.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.2.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PDCA adalah model yang digunakan oleh FSK bagi memudahkan penyebarluasan dan pelaksanaan operasi mendukung PdP. Operasi dirancang semasa agihan PI kepada peneraju dilakukan di dalam **Bengkel Perancangan Strategik**. Peneraju PI seterusnya bertindak untuk merancang dengan lebih terperinci operasi bersama Jawatankuasa terbabit atau bersama Pusat Pengajian.

Seterusnya pelaksanaan PdP di FSK adalah berpaksikan empat Teras Strategik iaitu:

FSK Excel

Proses pembangunan dan pengembangan kurikulum dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (GPPA) UA, Standard Badan Profesional/Standard Program MQA, COPPA, COPPIA, Prosedur Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum Akademik UiTM, serta Pekeliling dan Peraturan Akademik UiTM. Proses **pemantapan kurikulum** dimungkinkan dengan wujudnya Jawatankuasa NOBLE dan Jawatankuasa Semakan Kurikulum. Pensyarah juga didedahkan dengan pelbagai **penyertaan dan penganjuran bengkel, seminar dan konferens nasional dan antarabangsa** bagi memantapkan kemahiran PdP. **Bengkel Pembangunan MOOC/MC**, misalnya, dianjurkan oleh Jawatankuasa LATiH FSK bagi membantu pensyarah untuk menguasai teknik pengajaran inovatif, mengintegrasikan teknologi terkini dalam kuliah dan membuka peluang untuk mendapatkan pendedahan (Bukti 6.3.1).

FSK Goes Global

FSK Goes Global, melalui penubuhan Jawatankuasa Pengantarabangsaan mensinergikan pelbagai program pengantarabangsaan. Ia termasuk **program mobiliti pelajar dan pensyarah, program SULAM antarabangsa, jaringan akademik dan penyelidikan penyertaan seminar/bengkel/konferens dengan universiti antarabangsa serta memperkenalkan inovasi modul Summer Camp** (Bukti 6.3.2).

FSK Reach

Program kolaborasi bersama komuniti, industri, dan alumni disinergikan melalui penubuhan Jawatankuasa SULAM dan Jawatankuasa Transformasi Komuniti FSK yang memungkinkan aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan dengan berkesan untuk memastikan perjalanan PdP berjalan lancar. Dalam masa yang sama, ia membantu dalam pencapaian KPI Fakulti serta memberikan impak positif kepada masyarakat melalui **penyebaran ilmu dan kemahiran**. Melalui program-program ini, FSK bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan tetapi juga sebagai agen perubahan sosial dan ekonomi yang proaktif (Bukti 6.3.3).

FSK ClinExpert

Melalui FSK ClinExpert, latihan & perkhidmatan klinikal dikukuhkan bagi mendukung proses PdP. Justeru, **Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal (PRPK)** dan Penyelaras Klinikal diwujudkan bagi memastikan kelancaran operasi perkhidmatan klinikal FSK yang seterusnya menjadi pendukung kepada kelangsungan operasi PdP di Fakulti (Bukti 6.3.4).

Bagi proses pemantauan, pencapaian PI dipantau melalui pelbagai platform, antaranya, pelaporan di **PRIME dan SMART** bagi pencapaian objektif FSK Reach, pemantauan aktiviti PdP melalui **SIMS, PROPENS dan SUFO**. Manakala bagi semakan kurikulum, maklumbalas daripada pemegang taruh serta pengiktirafan dari badan akreditasi menjadi kayu pengukurannya. Hasil pemantauan akan dianalisa bagi mengenalpasti sebarang permasalahan yang boleh diatasi dan ditambahbaik di dalam **Bengkel Pecutan, mesyuarat Pusat Pengajian** atau jawatankuasa terbabit sebelum dibentangkan di dalam **mesyuarat MPE, MPF dan JAF** untuk tindakan penambahbaikan (Bukti 6.3.5).

SENARAI BUKTI.

1. [F0042_O01_OB03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.3.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.3.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.3.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.3.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK menjalankan pemantauan operasi secara berterusan untuk memastikan keberkesanan proses PdP. Ini dicapai melalui pelaporan berkala, mesyuarat penilaian, kajian kepuasan pelanggan, dan audit dalam yang memfokuskan pada empat Teras Strategik Akademik.

Bagi FSK Excel yang memartabatkan kualiti sistem pendidikan, prestasi staf akademik dipantau dengan teliti melalui **penilaian menyeluruh 360 darjah (TEX)** yang melibatkan penilaian pelajar (SUFO), penilaian sendiri (TESA) dan pemerhatian di dalam kelas (ProPENS) serta penilaian tahunan (MyATP) (Bukti 6.4.1a). Kualiti kurikulum dinilai melalui **audit dalam serta audit iQMS** yang menyemak kualiti operasi PdP serta keberkesanannya. Hasil pencapaian operasi PdP dipantau dan dinilai melalui **tahap pencapaian pelajar (GPA/CGPA)**. Seterusnya, penganalisaan hasil pencapaian serta kepuasan pelajar terhadap PdP dilaporkan melalui pelaporan **CDL-CQI**. Maklum balas daripada alumni mengenai PdP dan program pengajian dikumpul melalui kajian **pencapaian PLO**. Kemantapan kurikulum pula dipantau melalui Semakan Kurikulum yang dilaksanakan setiap 3-4 tahun. Pemantauan program akademik dilaksanakan melalui **audit pematuhan oleh badan akreditasi** tempatan dan antarabangsa seperti MQA dan WFOT (Bukti 6.4.1b).

Di bawah teras FSK Goes Global, PdP diperkukuh melalui usaha pengantarabangsaan. Bilangan serta keberkesanan MoU dan MoA serta pengajaran kolaboratif yang melibatkan pemain industri antarabangsa dinilai melalui **pelaporan pencapaian PI UiTM** yang dibuat secara berkala. Begitu juga dengan mobiliti pelajar dan staf yang dipantau melalui laporan sukuan tahunan pencapaian PI UiTM (Bukti 6.4.1c).

Teras FSK Reach pula menekankan pemeraksanaan PdP melalui kolaborasi dengan komuniti, industri, dan alumni. Keberkesanan aktiviti SULAM, USR/CSR dan KTP serta impak mereka terhadap pelajar serta komuniti **dipantau melalui sistem PRIME dan SMART** (Bukti 6.4.1d).

Akhir sekali, teras FSK ClinExpert yang fokus kepada pengukuhan latihan klinikal dan industri dipantau melalui **latihan klinikal dan industri, penilaian kompetensi pelajar selepas latihan (OSCE/OSPE)** serta **laporan penyelia lapangan** (Bukti 6.4.1e). Tahap perkhidmatan PRPK disemak melalui laporan kewangan perkhidmatan klinikal dan kajian kepuasan pelanggan klinik.

Semua usaha pemantauan ini **dibentangkan dan dianalisa di dalam mesyuarat Pengurusan FSK** bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar, relevan, dan berkualiti tinggi selaras dengan visi dan misi FSK serta universiti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB04_OC01_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC01_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.1b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC01_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.1c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC01_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.1d.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC01_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.1e.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jawatankuasa Pemilik Risiko FSK bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mengendalikan risiko dan ancaman yang boleh menghalang mencapai matlamat FSK, berdasarkan **definisi risiko yang digunakan oleh UiTM** (Bukti 6.4.2a). Jawatankuasa ini menyediakan daftar risiko, mengawasi aktiviti pengurusan risiko, dan memantau langkah-langkah mitigasi yang dilaksanakan oleh pemilik risiko. Terdapat **enam kumpulan risiko yang dikenalpasti oleh UiTM** (Bukti 6.4.2b). Setiap kategori risiko tersebut dinilai dan diklasifikasikan oleh FSK mengikut empat tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana, tahap tinggi dan tahap extreme. Risiko-risiko operasi yang telah dikenalpasti dibahagikan **risiko kewangan, beban kerja, pengurusan dan keberkesanan program**.

FSK bertekad untuk memperluaskan kepakaran yang ada demi kemajuan komuniti dan di persada antarabangsa. **Melaksanakan dan mengekalkan program komuniti serta program pengantarabangsaan yang komprehensif memerlukan sumber dan pelaburan kewangan yang besar. Mengajukan program komuniti, kolaborasi penyelidikan antarabangsa, serta penyertaan dalam seminar dan persidangan global boleh membebankan bajet dan sumber institusi. Peruntukan kewangan yang terhad menjadi risiko dan ini berpotensi mengurangkan inisiatif dan program,** yang akhirnya boleh menjejaskan manfaat penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkukuhkan reputasi FSK (Bukti 6.4.2c).

KPI tahunan yang meningkat saban tahun (KPI UiTM-FSK 2020-2025) boleh menyebabkan operasi pengajaran dan pembelajaran sedikit terganggu di kalangan pensyarah. **Beban kerja yang tinggi akan memberi tekanan dan boleh menyebabkan pensyarah tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas hakiki mereka**, iaitu mendidik dan membimbing pelajar dengan berkesan. Jenis risiko ini adalah sederhana (Bukti 6.4.2d).

Bagi pengurusan PRPK, **pengendalian kewangan oleh pegawai yang dilantik yang memerlukan komitmen yang tinggi disamping kerja hakiki**. Selain itu, risiko pengurusan lain termasuk juga **pendedahan jangkitan COVID-19 terhadap pesakit yang hadir ke PRPK, FSK** (Bukti 6.4.2e).

Walaupun program CSR dan KTP bertujuan memberikan impak positif kepada masyarakat, **terdapat risiko keberlanjutan dan keberkesanan jangka panjang program-program ini**. Kekurangan sokongan komuniti, atau kerjasama industri boleh menyebabkan program-program ini tidak mencapai matlamat yang diharapkan. Ketidakberkesanan dalam pelaksanaan program boleh menjejaskan reputasi FSK sebagai agen perubahan sosial dan ekonomi yang proaktif.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC02_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC02_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC02_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.2c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC02_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.2d.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC02_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.2e.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses menganalisis tumpuan operasi adalah penting untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Berikut adalah langkah-langkah utama yang telah diambil oleh FSK untuk melaksanakan penambahbaikan berdasarkan hasil analisis tersebut.

Mencari kerjasama strategik dengan institusi pendidikan antarabangsa, badan-badan kerajaan, dan organisasi bukan kerajaan untuk mendapatkan penajaan dan dana tambahan (Bukti 6.4.3a). Selain itu, **menggunakan teknologi seperti platform pembelajaran dalam talian dan webinar** untuk mengurangkan kos perjalanan dan penginapan dalam penyertaan seminar dan persidangan global (Bukti 6.4.3b).

Fakulti menyediakan beberapa siri bengkel strategik dan **mengagihkan PI mengikut setiap pusat pengajian**. Tambahan juga, **PI diagihkan dengan lebih meluas iaitu dengan melibatkan pegawai bukan akademik** (Bukti 6.4.3c).

Penambahbaikan telah dibuat dengan mencadangkan **FSK-Care Centre Clinic Management System (FSKCC-CMS) atau One Stop Centre** yang menggunakan sistem pembayaran dan pengurusan resit secara berpusat. Selain itu, FSK juga telah memperkasa tahap kesedaran terhadap penularan wabak COVID-19 dan pencegahan berterusan kepada seluruh warga staf klinik FSK dan pemberitahuan maklumat yang relevan kepada pesakit ketika hadir ke klinik secara bersemuka dengan **menggunakan dan mengaplikasikan SOP sedia ada mengikut garis panduan** (Bukti 6.4.3d).

Membangunkan hubungan kerjasama jangka panjang dengan industri, organisasi bukan kerajaan, dan badan kerajaan untuk memastikan sokongan berterusan. Selain itu, melibatkan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program untuk memastikan program tersebut relevan dan memenuhi keperluan sebenar mereka. Tambahan juga, fakulti telah **melaksanakan sistem pemantauan dan penilaian berkala untuk menilai keberkesanan program** dan membuat penyesuaian yang diperlukan and juga telah **menggunakan data dan maklum balas dari peserta program untuk meningkatkan kualiti dan impak program secara berterusan** (Bukti 6.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC03_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC03_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC03_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC03_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC03_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.4.3e.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Di FSK, integrasi dan pembudayaan merupakan dua aspek penting yang memastikan keberkesanan dan relevansi proses PdP. Langkah-langkah integrasi ini memberi tumpuan kepada pelbagai aspek untuk meningkatkan kualiti pendidikan, sementara pembudayaan menekankan penerapan dan pemeliharaan nilai-nilai yang menyokong kecemerlangan akademik.

Di bawah teras **FSK Excel**, yang bertujuan memartabatkan kualiti sistem pendidikan, pelbagai inisiatif diambil untuk memastikan kualiti dan keserjanaan pensyarah sentiasa berada di tahap tertinggi. Antaranya ialah pemberian **insentif penerbitan akademik** yang bertujuan untuk menggalakkan pensyarah lebih aktif dalam penerbitan. Selain itu, **insentif yuran penyertaan** untuk persidangan seperti eCONDEV juga disediakan. Ini memberi peluang kepada pensyarah untuk mendapatkan sokongan kewangan bagi menyertai persidangan yang penting bagi meningkatkan keterlibatan mereka di peringkat nasional dan antarabangsa (Bukti 6.5.1). Selain itu, **penganjuran persidangan** seperti ICFNH dan IIICE merupakan inovasi FSK pada tahun 2023 yang bertujuan menggalakkan keterlibatan staf akademik dalam pengajaran inovatif, di peringkat tempatan dan antarabangsa (Bukti 6.5.2).

FSK juga memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi terkini dalam PdP melalui **Pengajaran Kolaboratif Global (CGCT)** dan **smart classroom** bagi memastikan kualiti pendidikan berada pada tahap yang tertinggi (Bukti 6.5.3). Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan FSK untuk mendedahkan pensyarah dan pelajar dengan perkembangan teknologi terkini.

Melalui teras **FSK Goes Global**, FSK memperkukuh PdP dengan memperluas **jaringan antarabangsa melalui MoU dan MoA** dengan universiti seperti Teesside University. Selain itu, FSK melibatkan pemain industri antarabangsa dalam pengajaran kolaboratif, yang bertujuan memberikan pelajar pendedahan kepada pengalaman dan amalan terbaik dalam industri. Mobiliti staf dan pelajar juga diberi penekanan, melalui **program inbound dan outbound**, bagi menggalakkan pengantarabangsaan dan kepelbagaian akademik. Aktiviti seperti **Summer Camp** turut dianjurkan untuk memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar (Bukti 6.5.4).

Di bawah teras **FSK Reach**, FSK memberi tumpuan kepada pemeraksanaan PdP melalui **kolaborasi dengan komuniti, industri, dan alumni**. Melalui aktiviti SULAM, pelajar diberi peluang terlibat secara langsung dengan komuniti, yang memberi mereka pengalaman praktikal yang bernilai. Dalam masa yang sama, program komuniti yang dijalankan dengan kerjasama industri dan alumni turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Selain itu, penglibatan alumni dalam webinar, pengajaran kolaboratif, dan semakan kurikulum juga merupakan sebahagian daripada usaha FSK untuk memperkukuh PdP (Bukti 6.5.4).

Melalui **FSK ClinExpert**, latihan dan perkhidmatan klinikal diperkukuh untuk menyokong PdP dan memastikan ia kekal relevan serta berkesan. Langkah ini memberikan **pendedahan dunia pekerjaan yang sebenar** kepada **pelajar** serta **penyediaan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat** melalui PRPK yang turut **menyumbang kepada kewangan fakulti**. Perkhidmatan yang disediakan adalah menyeluruh, merangkumi rawatan primer, pencegahan, dan rehabilitasi, menjadikan FSK sebagai **pusat sehati untuk perkhidmatan komuniti**. Di bawah UiTM Vision Care juga terdapat perkhidmatan **Klinik Optometri Bergerak** yang boleh memberi hubungan kepada komuniti dengan lebih menyeluruh (Bukti 6.5.5). **Hasilnya**, latihan dan perkhidmatan klinikal yang berterusan berjaya membentuk budaya pembelajaran berasaskan pengalaman serta menjadikan FSK cemerlang dalam mencapai aspirasi universiti dengan slogan Unleashing Potentials, Shaping the Future.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB05_20241_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.5.1.pdf](#)

2. [F0042_O01_OB05_20242_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.5.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB05_20243_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.5.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB05_20244_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.5.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB05_20245_FSK_TUMPUAN KEPADA OPERASI_BUKTI_6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Tumpuan Kepada Operasi

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama untuk proses operasi menekankan kepada keberhasilan **Teras Strategik Akademik FSK** yang meliputi **pencapaian pengajaran kolaboratif dan e-pembelajaran, aktiviti pengantarabangsaan, dan peningkatan bilangan MoU/MoA.**

Pencapaian-pencapaian ini merupakan petunjuk kepada kecemerlangan dan keberkesanan sistem operasi dalam bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pencapaian dalam pengajaran kolaboratif dan e-pembelajaran telah dipilih sebagai salah satu hasil utama. Ianya didukung oleh teras strategik akademik **FSK Excel**. Bilangan penghasilan **MOOC, MC** dan **CGCT** telah berjaya **melempi sasar**an dan menunjukkan **tren positif**. Pencapaian ini menunjukkan proses PdP adalah bersifat dinamik seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Ini terbukti melalui **pengiktirafan FSK sebagai fakulti dengan bilangan projek pengajaran kolaboratif terbanyak pada tahun 2023.**

Pencapaian aktiviti pengantarabangsaan melalui teras **FSK Goes Global** merupakan hasil utama yang turut diketengahkan. Aktiviti pengantarabangsaan yang telah dijalankan oleh FSK adalah seperti **MoU/MoA dengan 300 universiti terbaik dunia** dan program **SULAM antarabangsa** yang telah **mencapai sasar**an UiTM.

Perbandingan dengan pencapaian fakulti dan institusi lain menunjukkan FSK lebih cemerlang. Kecemerlangan operasi BHEA telah mendapat pengiktirafan komuniti global melalui lawatan **penandaarasan dari universiti antarabangsa**. FSK juga telah berjaya mendapat tempat kedua bagi **Anugerah Projek Berimpak Tinggi META** ke-25 melalui projek FSK Goes Global-An Indonesian Chapter. Selain itu, penawaran **kursus MOOC** oleh FSK **mengatasi** fakulti dari **universiti tempatan dan antarabangsa** dalam bidang yang sama.

Keberhasilan operasi BHEA telah menyumbang kepada **pengiktirafan program akademik FSK** oleh badan professional tempatan dan antarabangsa, **penawaran program francais** bersama Qaiwan International University, dan **penganjuran Summer Camp**. Tambahan, kecemerlangan operasi telah berjaya melahirkan **inovasi Kit CGCT** dan **Kit Semakan Kurikulum**.

Kejayaan FSK yang sentiasa menambahbaik sistem operasi akademiknya terbukti telah memberi nilai tambah dan manfaat kepada warga fakulti khususnya, dan meningkatkan ketampakan UiTM secara amnya, sekaligus menjadikan UiTM sebagai universiti pilihan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0042_HB02_20241_2. HASIL TUMPUAN PERANCANGAN STRATEGIK TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0042_HB03_20242_3. HASIL TUMPUAN PERANCANGAN STRATEGIK TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0042_HB04_20243_4. HASIL TUMPUAN PERANCANGAN](#)

[STRATEGIK_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0042_HB05_20244_5. HASIL TUMPUAN PERANCANGAN STRATEGIK_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Tumpuan Kepada Pelanggan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2023 menampakkan kejayaan cemerlang FSK melalui pelbagai pencapaian dalam bidang PdP, yang memberikan manfaat kepada pelanggannya di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelajar, alumni, majikan, dan masyarakat merupakan kumpulan pelanggan FSK. Namun, dalam bidang PdP, FSK memberi **fokus utama kepada pelajar pra dan pasca siswazah**. Melalui pelaksanaan 4 Teras Strategik Akademik FSK iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert**, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menghasilkan graduan yang cemerlang, holistik dan bertaraf global.

Populariti FSK sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan berkualiti dan berimpak dalam bidang Sains Kesihatan diterjemah melalui **bilangan permohonan yang tinggi untuk program pra-siswazah serta peningkatan enrolmen pelajar pascasiswazah**. Ketampakan FSK di persada antarabangsa turut dibuktikan dengan **peningkatan bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa yang melanjutkan pengajian** di FSK. Pencapaian ini membuktikan bahawa program-program yang ditawarkan oleh FSK adalah relevan dan memenuhi keperluan semasa.

Penguatan dan pemantapan PdP yang berterusan termasuk kurikulum yang mantap, warga pensyarah berprestasi tinggi, dan kemudahan fasiliti yang optimum telah berjaya **melahirkan pelajar dan graduan yang cemerlang**. Kepuasan pelajar terhadap PdP, yang dinilai melalui **SUFO**, turut menjadi elemen penting yang dititikberatkan dalam memastikan kecemerlangan kualiti pendidikan di FSK. Hal ini terbukti apabila terdapat peningkatan bilangan **pelajar yang mendapat AD** setiap semester. **Peningkatan positif prestasi pelajar** juga diterjemahkan melalui **bilangan graduan yang GOT, bergraduasi dengan HPNG>3.5 serta menerima anugerah ANC dan APC**.

FSK telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk **menghasilkan graduan yang globally marketable**, selaras dengan aspirasi UiTM untuk menjadi **Globally Renowned University**. Inisiatif ini termasuk program mobiliti pelajar (inbound dan outbound), kolaborasi pelajar dengan industri dan universiti luar negara, serta program Summer Camp yang julung kali dianjurkan pada tahun 2023. **Sambutan hangat penganjuran Summer Camp dari universiti luar negara** serta kerancangan **program inbound dan outbound yang melebihi sasaran UiTM** telah membuka ruang dan peluang untuk pelajar FSK meningkatkan kemahiran komunikasi dan membina rangkaian antarabangsa yang bermanfaat untuk kejayaan mereka. **Penyertaan pelajar FSK dalam program antarabangsa** juga menunjukkan **peningkatan positif yang melebihi sasaran** yang ditetapkan oleh UiTM.

Selain itu, FSK Reach telah berjaya **membentuk jati diri** pelajar FSK melalui pelaksanaan program **USR, KTP dan SULAM** yang berimpak tinggi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2023, FSK telah melaksanakan 3 program KTP dan 52 USR yang memberi impak positif kepada 22 komuniti, **melebihi sasaran yang ditetapkan. Jumlah dana terkumpul** bagi program KTP dan USR juga melebihi sasaran, dengan **RM47,710.50** berjaya diperolehi. Keunggulan FSK dalam menyantuni masyarakat telah diiktiraf dengan **penganugerahan tempat pertama bagi Anugerah Projek Komuniti** semasa METIC 2024. **Pencapaian dalam aspek inovasi, keusahawanan dan kesukanan** telah membuktikan kejayaan FSK dalam menghasilkan pelajar yang **berdaya saing** dan bersifat **future job creators**.

Perbandingan dengan universiti tempatan dan antarabangsa, serta fakulti dalam kluster yang sama di UiTM, menunjukkan pencapaian **FSK yang lebih cemerlang**. Pencapaian ini

turut meningkatkan ketampakan FSK UiTM, menjadikannya sebagai universiti dan bidang pilihan. Keberhasilan ini merupakan manifestasi FSK dalam mengungguli PdP dengan fokus kepada kemenjadian pelajar.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0042_HB02_20241_2.HASIL TUMPUAN PELANGGAN_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0042_HB03_20242_3.HASIL TUMPUAN PELANGGAN_TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0042_HB04_20243_4.HASIL TUMPUAN PELANGGAN_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0042_HB05_20244_5.HASIL TUMPUAN PELANGGAN_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Perancangan Strategik

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM melalui misinya telah mensasarkan untuk mencapai penarafan SETARA 6 BINTANG dengan memperkasakan akademik dan pengalaman penyelidikan bagi menyediakan graduan yang anjal dan mapan dengan Revolusi Perindustrian 4.0 supaya menjadi lebih berdaya saing di peringkat global. Sehubungan dengan itu, FSK melalui perancangan strategiknya telah menggariskan 4 **Teras Strategik Akademik** bagi menyokong pencapaian sasaran tersebut iaitu **FSK Excel, FSK Goes Global, FSK Reach, dan FSK ClinExpert**.

Berdasarkan Teras Strategik Akademik FSK tersebut, beberapa rangka tindakan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan objektif yang disasarkan berjaya dicapai dengan jayanya. Hasil daripada pelaksanaan tersebut telah membuktikan bahawa FSK komited dalam mendukung agenda UiTM2025 dengan **peningkatan peratus kebolehpasaran graduan, bilangan alumni usahawan, jumlah penerbitan dan perolehan geran, penjana kewangan** berterusan melalui perkhidmatan **PRPK**, serta **peningkatan Skor-i UiTM**.

Pencapaian PI A&A FSK pada tahun 2023 menunjukkan **peningkatan yang memberangsangkan, dengan 91% sasaran berjaya dicapai**. Bagi **pencapaian SAP FSK**, semua sasaran telah berjaya dicapai, dengan **100% SAP terlaksana**. Selain itu, **peratus graduan FSK** yang mendapat pekerjaan dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian juga **meningkat dan melebihi sasaran yang ditetapkan oleh UiTM**. Pencapaian tersebut merupakan hasil daripada kecemerlangan dan usaha bersinergi dalam kalangan staf FSK. Kecemerlangan ini dibuktikan dengan **peningkatan jumlah penerbitan FSK pada tahun 2023, yang melebihi sasaran dalam kategori jurnal berindeks serta penerbitan bersama kolaborator nasional, industri, dan antarabangsa**. Data penerbitan daripada Scopus bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa FSK mencatatkan **jumlah penerbitan tertinggi dalam bidang yang sama berbanding universiti-universiti terpilih dalam dan luar negara**, yang mana memberi impak dan ketampakkan FSK di peringkat antarabangsa.

Pembudayaan kualiti kerja yang cemerlang dalam kalangan pensyarah telah memberi impak positif kepada bidang tumpuan PdP di FSK. FSK telah memperoleh **geran penyelidikan yang melebihi sasaran tahunan** dengan RM508,362.00 merupakan geran penyelidikan dalaman. Jumlah geran dalaman ini **melebihi jumlah yang diterima oleh universiti luar negara dalam bidang yang sama**. FSK juga mencatatkan **bilangan dan nilai geran FRGS yang tinggi berbanding universiti tempatan lain**. Selain itu, FSK berjaya **menjana pendapatan melebihi sasaran UiTM** yang mana sebahagian besar disumbang oleh **perkhidmatan PRPK dan aktiviti pengantarabangsaan**. Pencapaian ini menyumbang kepada penjana sumber kewangan berterusan yang dapat digunakan untuk pelbagai inisiatif, termasuk peningkatan kemudahan dan teknologi, yang seterusnya akan memperkukuh lagi kecemerlangan akademik di FSK.

Hasil kepimpinan yang utuh dan perancangan strategik yang berkesan telah membolehkan FSK mencapai **Skor-i UiTM sebanyak 90%** dan **meraih pencapaian cemerlang 6 BINTANG dalam petunjuk prestasi UiTM 2023**. Kecemerlangan ini turut diiktiraf oleh **universiti antarabangsa, yang telah datang untuk membuat penandaarasan dan menandatangani MoU/MoA bersama FSK**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0042_HB02_20241_2. HASIL TUMPUAN OPERASI TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0042_HB03_20242_3. HASIL TUMPUAN OPERASI_TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0042_HB04_20243_4. HASIL TUMPUAN OPERASI_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0042_HB05_20244_5. HASIL TUMPUAN OPERASI_KEPENTINGAN.pdf](#)